

PROSPEKTUS



Tabung

AMANAH SAHAM KEDAH

(Ditubuhkan Pada 27 Februari 1995)

Syarikat Pengurusan

KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD

(315167-P)

(Syarikat di dalam Kumpulan Permodalan Kedah Berhad)

Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965

Pemegang Amanah

CIMB Islamic Trustee Berhad

(167913-M)

**PARA PELABUR DINASIHATKAN MEMBACA DAN MEMAHAMI
KANDUNGAN PROSPEKTUS INI SERTA MERUJUK KEPADA
PENASIHAT PROFESIONAL ANDA BAGI SEBARANG KERAGUAN
YANG TIMBUL.**

**BAGI MAKLUMAT MENGENAI FAKTOR RISIKO TERTENTU YANG
HARUS DIPERTIMBANGKAN OLEH BAKAL PELABUR, SILA RUJUK
“FAKTOR RISIKO” DI MUKA SURAT 3 - 5.**

Prospektus ini bertarikh 31 Mac 2019

KENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Prospektus ini telah disemak dan diluluskan oleh Pengarah-Pengarah Kedah Islamic Asset Management Berhad dan mereka secara kolektif dan secara individu menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas ketepatan maklumat yang dikemukakan. Setelah membuat siasatan yang munasabah, mereka mengesahkan pada pengetahuan dan kepercayaan mereka, tiada kenyataan-kenyataan yang palsu atau mengelirukan, atau ketinggalan fakta-fakta lain yang mana akan membuat mana-mana kenyataan di dalam prospektus ini sebagai palsu atau mengelirukan.

KENYATAAN PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memberi kebenaran kepada Tabung Amanah Saham Kedah (Tabung ASK) dan salinan prospektus ini telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran kepada Tabung ASK dan pendaftaran prospektus ini, tidak boleh diguna sebagai menunjukkan bahawa pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Tabung tersebut atau mengambil tanggungjawab ke atas ketepatan sebarang kenyataan, pendapat yang dinyatakan atau laporan yang terkandung di dalam prospektus ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia juga tidak boleh dituntut bertanggungjawab ke atas maklumat yang tidak didedah oleh Pengurus Tabung ASK yang bertanggungjawab terhadap Tabung tersebut dan tidak bertanggungjawab ke atas kandungan prospektus ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak membuat representasi sama ada maklumat prospektus ini tepat atau lengkap, dan secara nyata menafikan sebarang kebertanggungjawaban yang berpunca daripada, atau bergantung kepada, kesemua atau mana-mana bahagian daripada kandungan prospektus ini.

PARA PELABUR HENDAKLAH BERGANTUNG PADA PENILAIAN MEREKA SENDIRI UNTUK MENILAI MERIT DAN RISIKO PELABURAN. JIKA PELABUR TIDAK MAMPU MEMBUAT PENILAIAN MEREKA SENDIRI, PELABUR DINASIHATI UNTUK BERUNDING DENGAN PENASIHAT PROFESIONAL.

KENYATAAN TAMBAHAN

Pelabur hendaklah mengambil maklum bahawa mereka boleh mendapatkan bantuan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi mana-mana pelanggaran undang-undang sekuriti termasuk apa-apa kenyataan dalam prospektus yang palsu, mengelirukan atau daripadanya terdapat ketinggalan yang material; atau bagi apa-apa perbuatan yang mengelirukan atau memperdayakan berhubung dengan prospektus atau kelakuan mana-mana orang yang berhubungan dengan tabung tersebut.

Tabung ASK telah disahkan sebagai patuh Syariah oleh Penasihat Syariah yang dilantik bagi Tabung ini.

ISI KANDUNGAN

iv	◆	Takrifan
vi	◆	Direktori Korporat
1	◆	1. Perincian Tabung ASK
		1.1 Profil
		1.2 Polisi Dan Strategi Pelaburan
		1.3 Risiko Umum Melabur Dalam Tabung Unit Amanah
		1.4 Risiko Khusus Melabur Dalam Tabung ASK
		1.5 Polisi Pengagihan Pendapatan
		1.6 Tanda Aras Ukuran Prestasi Pelaburan
		1.7 Pelaburan Yang Dibenarkan
		1.8 Had-Had Pelaburan
		1.9 Polisi Berkenaan Pelaburan Berteraskan Syariah
11	◆	2. Yuran, Caj Dan Perbelanjaan
		2.1 Caj-Caj Ketika Membeli Dan Menjual Balik Unit
		2.2 Yuran-Yuran Dan Perbelanjaan Ketika Melabur
		2.3 Polisi Mengenai Rebet Dan Komisen Ringan
14	◆	3. Maklumat Urusniaga
		3.1 Asas Penilaian Pelaburan
		3.2 Polisi Berkenaan Titik Penilaian
		3.3 Kaedah Harga Silam
		3.4 Pengiraan Nilai Aset Bersih
		3.5 Pengiraan Harga Jualan Dan Harga Belian Balik Unit Secara Harga Tunggal ("Single Pricing")
		3.6 Permohonan Dan Penebusan Unit
		3.7 Di Mana Unit ASK Boleh Dibeli Dan Dijual Balik
		3.8 Bagaimana Hendak Membeli Dan Menjual Balik Unit
		3.9 Hak Tempoh Bertenang
		3.10 Pindah Milik Unit
		3.11 Polisi Pelaburan Semula Pengagihan Pendapatan
21	◆	4. Pengurus Tabung ASK
		4.1 Profil Pengurus
		4.2 Lembaga Pengarah
		4.3 Pengurusan Pelaburan KIAM
26	◆	5. Pemegang Amanah ASK
		5.1 Profil Pemegang Amanah ASK
		5.2 Pengalaman Di Dalam Perniagaan Amanah
		5.3 Tugas Dan Tanggungjawab Pemegang Amanah

	5.4	Kenyataan Tanggungjawab Pemegang Amanah
	5.5	Pendakwaan dan Pengadilan
	5.6	Wakil Pemegang Amanah
	5.7	Obligasi Pemegang Amanah
	5.8	Pencegahan Pengubahan Wang Haram
	5.9	Kenyataan Penafian
28	◆ 6.	Peruntukan Penting Di Dalam Suratikatan ASK
	6.1	Pengiktirafan Sebagai Pemegang Unit
	6.2	Hak Dan Had Pemegang Unit
	6.3	Tanggungan Pemegang Unit
	6.4	Yuran Dan Caj
	6.5	Perbelanjaan Yang Dibenarkan
	6.6	Keadaan Pengurus Boleh Bersara, Dipecat Atau Digantikan
	6.7	Keadaan Pemegang Amanah Boleh Bersara, Dipecat Atau Digantikan
	6.8	Penamatan Tabung
	6.9	Mesyuarat Pemegang Unit
33	◆ 7.	Kelulusan Dan Syarat-Syarat
	7.1	Penubuhan Tabung ASK
34	◆ 8.	Urusniaga Dengan Pihak Berkaitan / Konflik Kepentingan
	8.1	Transaksi Dengan Pihak Berkaitan
	8.2	Polisi Mengenai Konflik Kepentingan
35	◆ 9.	Percukaian Ke Atas Tabung ASK
44	◆ 10.	Maklumat Tambahan
	10.1	Maklumat Berhubung Perkembangan Tabung ASK Dan Harga Unit Harian
	10.2	Khidmat Nasihat / Aduan Pelanggan
	10.3	Senarai Penerbitan Suratikatan Tabung ASK
45	◆ 11.	Dokumen-Dokumen Untuk Pemeriksaan
46	◆ 12.	Borang Pelaburan
50	◆ 13.	Pelan Lokasi Pejabat KIAM

TAKRIFAN

ASK	◆ Merujuk kepada Amanah Saham Kedah.
KIAM	◆ Merujuk kepada Kedah Islamic Asset Management Berhad iaitu Pengurus kepada Tabung ASK.
Tabung ASK	◆ Merujuk kepada Tabung Amanah Saham Kedah.
Syarikat Pengurusan / Pengurus	◆ Merujuk kepada Kedah Islamic Asset Management Berhad.
Pemegang Amanah ASK	◆ Merujuk kepada CIMB Islamic Trustee Berhad iaitu Pemegang Amanah kepada Tabung ASK.
SCM	◆ Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
Bursa Malaysia	◆ Bursa Malaysia Securities Berhad.
Indeks Syariah	◆ Indeks FBMSHA.
Garis panduan	◆ Garispanduan Tabung Unit Amanah.
Suratikatan	◆ Rujukan umum kepada Suratikatan tabung unit amanah.
Suratikatan ASK	◆ Merujuk kepada Suratikatan Tabung Amanah Saham Kedah.
Harga Belian Balik	Harga yang mana Pengurus membeli balik unit yang dijual oleh Pemegang Unit. Harga ini ditentukan dengan menggunakan kaedah harga silam ("historical pricing"), iaitu NAB seunit pada titik penilaian sebelum permohonan untuk membeli balik unit diterima oleh Pengurus.
Harga Jualan	Harga yang mana unit dijual kepada pelabur. Harga ini ditentukan dengan menggunakan kaedah harga silam ("historical pricing"), iaitu NAB seunit pada titik penilaian sebelum permohonan untuk membeli unit diterima oleh Pengurus.
Hari Bekerja	Hari pejabat KIAM dibuka untuk urusanniaga unit :- (Isnin - Khamis : 9.00 a.m. - 4.00 p.m.) (Jumaat : 9.00 a.m - 12.30 p.m / 2.30 p.m. - 4.00 p.m) Kecuali cuti umum di peringkat Negeri Kedah dan Persekutuan.
Hari Perniagaan	◆ Hari di mana Bursa Malaysia dibuka untuk urusanniaga saham.

NAB	◆ Nilai Aset Bersih iaitu nilai ke semua aset ditolak nilai ke semua liabiliti Tabung pada sesuatu titik penilaian. Bagi mengira yuran pengurusan dan yuran pemegang amanah yang diakru secara harian, NAB Tabung tidak termasuk yuran pengurusan dan yuran pemegang amanah bagi hari yang berkenaan.
NAB Seunit	◆ NAB dibahagi dengan jumlah unit dalam edaran pada sesuatu titik penilaian.
NPP	◆ Merujuk kepada Nisbah Perbelanjaan Pengurus.
NDP	◆ Merujuk kepada Nisbah Dagangan Portfolio.
Pemegang Unit	◆ Seorang yang didaftarkan sebagai Pemegang Unit dan menikmati hak mengikut peruntukan Suratikatan.
Pemegang Bersama	◆ Seseorang yang memegang unit bersama seorang yang lain.
Portfolio	◆ Bagi pelaburan ekuiti, merujuk kaunter-kaunter yang dibeli oleh Tabung dan bagi pelaburan di pasaran wang, merujuk jenis-jenis instrumen kewangan yang dilaburkan.
RM dan Sen	◆ Ringgit Malaysia dan Sen Malaysia.
KIFB	◆ Merujuk kepada KAF Investment Funds Berhad

Lebih muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

DIREKTORI KORPORAT

PENGURUS	Kedah Islamic Asset Management Berhad (315167-P)
Pejabat Berdaftar & Perniagaan	178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah 05350 Alor Setar Kedah Darul Aman Tel : 04-7300323 Fax : 04-7300320 E-Mail : ask@kiam.com.my Laman Web : www.kiam.com.my
Majlis Penyeliaan Syariah	Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh Hasbullah bin Haji Abdul Halim No. 63A, Jalan Datuk Kumbar 05300 Alor Setar Kedah Darul Aman Tel : 012-4291789 Dato' Wira Syeikh Yahaya bin Haji Jusoh No. 41, Taman Sri Pantai Pantai Johor 05250 Alor Setar Kedah Darul Aman Tel : 019-4512445 Prof.Dr. Md. Amin bin Abdul Rahman Profesor Universiti, Kulliyah Syariah & Undang-Undang Kolej Universiti Insaniah 09300 Kuala Ketil Kedah Darul Aman Tel : 019-3824310
Pemegang Amanah ASK (Pejabat Berdaftar)	CIMB Islamic Trustee Berhad (167913-M) Aras 13, Menara CIMB Jalan Stesen Sentral 2 Kuala Lumpur Sentral 50470 Kuala Lumpur Tel : 03-2261 8888 Fax : 03-2261 0099 E-mel : cimbib.corpunitrust@cimb.com Laman Web : www.cimb.com
Pemegang Amanah ASK (Pejabat Perniagaan)	Aras 21, Menara CIMB Jalan Stesen Sentral 2 Kuala Lumpur Sentral 50470 Kuala Lumpur Tel : 03-2261 8888 Fax : 03-2261 9889

1. PERINCIAN TABUNG ASK

1.1 PROFIL

Tabung	◆ Amanah Saham Kedah (ASK)
Kategori Tabung	◆ Tabung Ekuiti Berteraskan Syariah
Objektif Pelaburan	◆ Untuk memberikan pelabur suatu peluang peningkatan modal dan pengagihan pendapatan melalui pelaburan yang berteraskan prinsip Syariah pada tahap risiko yang munasabah. Sebarang perubahan yang material ke atas objektif pelaburan Tabung ASK memerlukan kelulusan Pemegang Unit.
Polisi Pengagihan Pendapatan	◆ Pengagihan tahunan / interim (jika ada) berdasarkan jumlah pulangan Tabung ASK.
Tahun Kewangan	◆ 28/29 Februari.
Asas Matawang	◆ Semua urusanniaga berkaitan Tabung ASK adalah di dalam Ringgit Malaysia
Syarat Kelayakan Pelabur	◆ Bumiputera Malaysia berumur 18 tahun ke atas atau syarikat / institusi milik Bumiputera.

1.2 POLISI DAN STRATEGI PELABURAN

Fokus Pelaburan

Polisi umum pelaburan Tabung ASK ialah membuat pelaburan patuh Syariah di dalam pasaran ekuiti dan selebihnya di dalam pasaran wang tempatan bagi mencapai objektif pelaburan Tabung ASK.

Dana akan dilabur menggunakan 3 strategi peruntukan aset seperti berikut :

- (i) Peruntukan aset strategik – nisbah peruntukan ekuiti patuh Syariah disasarkan melebihi 70% dan tidak melebihi 95%,

- (ii) Peruntukan sektor strategik – pendekatan pro-aktif dibuat berdasarkan kepada unjuran prestasi sektor-sektor di dalam ekonomi yang dijangka positif dan berprospek tinggi, dan
- (iii) Pemilihan saham strategik – berdasarkan penyelidikan pelaburan ke atas syarikat tersenarai dengan fokus terhadap syarikat yang berkembang maju, mengagih dividen yang besar dan beroperasi di dalam sektor atau industri berprospek tinggi.

Di dalam membuat pelaburan, Pengurus akan mengenalpasti ciri-ciri sesebuah syarikat sama ada menepati kriteria pelaburan asas (core), pelaburan untuk dividen (dividend / yield), pelaburan untuk pertumbuhan modal (growth) atau pelaburan berasaskan nilai (value). Selain itu, pelaburan Tabung ASK juga tertumpu kepada syarikat tersenarai yang mempunyai prospek pertumbuhan serta mungkin melanggan saham syarikat Tawaran Awam Permulaan (IPO) yang akan disenaraikan di Bursa Malaysia.

Lebihan kecairan pula akan dilaburkan di dalam instrumen pasaran wang Islam dan akaun pelaburan Islam bagi menjana pulangan tambahan.

Ketika ini, Pengurus belum merancang untuk melabur di pasaran luar negara, sekuriti tidak tersenarai, lain-lain skim unit amanah dan kontrak niaga hadapan.

Pendekatan Pelaburan

Adalah menjadi amalan Pengurus untuk melabur secara aktif dan kerap di dalam pasaran ekuiti patuh Syariah sehingga maksima 95% NAB Tabung ASK, terutamanya sewaktu suasana pasaran ekuiti patuh Syariah diunjurkan positif dan di dalam “trend” aliran menaik.

Di sebaliknya, di dalam keadaan pasaran ekuiti patuh Syariah yang tidak memberangsangkan, pelaburan di dalam pasaran wang Islam akan ditingkatkan sehingga 30% NAB bagi menggantikan pengurangan pendedahan ekuiti patuh Syariah dan boleh melebihi 30% NAB sebagai strategi bertahan sementara (“temporary defensive strategy”), khususnya sewaktu kejatuhan yang teruk di dalam pasaran ekuiti patuh Syariah, suasana ekonomi dan politik yang kritikal dan lain-lain keadaan yang negatif.

1.3 RISIKO UMUM MELABUR DALAM TABUNG UNIT AMANAH

Pelaburan di dalam unit amanah mempunyai risiko-risiko yang perlu diberi perhatian oleh para pelabur, antaranya :-



Risiko Pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada kemungkinan sesuatu pelaburan akan kehilangan nilainya oleh kerana penurunan umum dalam pasaran kewangan, yang disebabkan oleh faktor ekonomi, politik dan/atau faktor lain, yang akan mengakibatkan kemerosotan dalam Nilai Aset Bersih (NAB) tabung.

Risiko ini dapat dikawal melalui pecahan portfolio saham dalam pelbagai sektor pasaran dan pelbagai syarikat di dalam sesuatu sektor. Selain itu, risiko ini juga dapat dikawal melalui strategi peruntukan aset di mana pendedahan aset tersebut di dalam ekuiti akan dikurangkan sekiranya terdapat kemerosotan dalam pasaran saham.



Risiko Saham Tertentu

Harga saham syarikat tertentu boleh turun naik akibat daripada keadaan tertentu yang memberi kesan kepada syarikat individu berkenaan seperti prestasi kewangan yang buruk, berita kemungkinan penggabungan atau kehilangan kakitangan utama syarikat tersebut. Sebarang pergerakan harga saham syarikat tertentu yang buruk akan menjejaskan NAB tabung.

Untuk mengawal risiko ini, Pengurus tidak dibenarkan melabur di dalam saham tertentu melebihi 10% daripada NAB Tabung. Selain itu, pelaburan di dalam saham yang berkaitan dengan mana-mana kumpulan syarikat juga telah ditetapkan tidak melebihi 20% daripada NAB Tabung. Melalui peraturan ini, risiko pelaburan di dalam saham syarikat tertentu atau kumpulan syarikat dapat dikurangkan ke tahap yang munasabah.



Risiko Syarikat Pengurusan

Risiko ini merujuk kepada pengurusan harian tabung oleh pengurus yang akan memberi kesan kepada prestasi tabung. Sebagai contoh, keputusan pelaburan yang dibuat oleh pengurus, pandangan yang tidak betul terhadap pasaran atau mana-mana tidak patuhan terhadap polisi dalaman, mandat pelaburan, suratikatan, undang-undang berkaitan atau garispanduan yang berpunca daripada faktor seperti kesilapan manusia atau kelemahan di dalam proses operasi dan sistem, boleh memberi kesan yang menjejaskan prestasi tabung.

Risiko ini dapat diurus dengan baik oleh pengurusan pelaburan yang profesional, berlesen dan berpengalaman dalam membuat keputusan tepat berdasarkan penyelidikan yang lengkap, analisa pasaran dan pemantauan yang berterusan terhadap ekonomi, pasaran saham dan kedudukan syarikat yang dilaburkan serta pematuhan terhadap polisi dalaman syarikat.

! Risiko Kredit Dan Mungkir

Risiko kredit adalah berkaitan kepercayaan kredit terhadap pengeluar instrumen hutang patuh Syariah dan jangkaan keupayaan mereka membuat pembayaran keuntungan dan/atau prinsipal tepat pada masanya. Sebarang situasi sukar yang dihadapi oleh pengeluar boleh memberi impak ke atas nilai serta kecairan instrumen hutang tersebut. Dalam kes instrumen hutang yang diberi penarafan, ia akan membawa kepada penurunan penarafan kredit.

Risiko mungkir pula adalah berkaitan risiko pengeluar instrumen hutang patuh Syariah, sama ada memungkir pembayaran atau gagal membuat pembayaran tepat pada masanya, yang mana akan memberi kesan yang menjejaskan nilai instrumen hutang tersebut. Ini seterusnya akan memberi kesan yang menjejaskan nilai tabung.

Risiko ini dapat dikawal melalui strategi pelaburan di dalam instrumen kewangan yang mempunyai penilaian kredit yang baik sahaja.

! Risiko Meminjam Untuk Melabur

Risiko ini berlaku apabila pelabur mengambil pinjaman/pembiayaan untuk membiayai pelaburan mereka. Risiko tersedia ada melabur dengan wang yang dipinjam termasuk ketidakmampuan pelabur untuk membayar balik ansuran pinjaman. Sekiranya unit-unit digunakan sebagai kolateral, pelabur mungkin perlu menambah ansuran sedia ada sekiranya harga unit jatuh di bawah tahap tertentu disebabkan keadaan pasaran. Kegagalan membuat pembayaran tersebut, unit boleh dipaksa jual untuk membayar balik pinjaman dan berkemungkinan pada harga nilai aset bersih seunit yang lebih rendah berbanding nilai aset bersih seunit sewaktu unit tersebut dibeli.

Pelabur perlu menilai sama ada memiliki kemampuan untuk membayar balik pinjaman dan disarankan meneliti Penyata Pendedahan Risiko Pembelian Unit Amanah Melalui Pinjaman Kewangan yang diedarkan bersama-sama borang permohonan membeli unit amanah.

1.4 RISIKO KHUSUS MELABUR DALAM TABUNG ASK

Secara khusus, terdapat risiko melabur di dalam Tabung ASK, antaranya :-

! Risiko Pengklasifikasian Semula Status Syariah

Risiko ini merujuk kepada risiko di mana ekuiti patuh Syariah yang sedang dipegang oleh Tabung ASK berkemungkinan diklasifikasi semula sebagai bukan patuh Syariah di dalam semakan berkala ekuiti oleh Majlis Penasihat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (MPS-SC), penasihat Syariah atau lembaga Syariah bagi indeks Islam yang berkenaan. Jika ini berlaku, Pengurus akan mengambil langkah yang diperlukan untuk melupuskan ekuiti berkenaan. Mungkin akan terdapat kerugian melepas kepada Tabung ASK disebabkan Tabung tidak dibenarkan untuk mengekalkan lebihan perolehan modal yang berpunca daripada pelupusan ekuiti bukan patuh Syariah tersebut. Pengurus juga mungkin menjual ekuiti tersebut dengan kerugian, khususnya apabila faktor fundamental dan prospek ekuiti tersebut semakin lemah.

Risiko ini dapat dikurangkan melalui penubuhan Majlis Penyeliaan Syariah KIAM (MPS-KIAM) di Syarikat Pengurus, di mana pihak MPS-KIAM sentiasa memantau portfolio Tabung ASK dan memberi nasihat dari semasa ke semasa berhubung hal ehwal Syariah. Pihak MPS-KIAM telah menetapkan

supaya Pengurus hanya melabur di dalam syarikat yang perniagaannya jelas tidak bertentangan dengan prinsip Syariah. Oleh demikian, pemantauan terhadap sebarang perubahan daripada tanda aras aktiviti perniagaan dan nisbah kewangan syarikat dilakukan sepanjang masa. Mana-mana ekuiti Tabung ASK yang terjejas akibat pengklasifikasian semula status Syariah ini, sebolehnya dilupuskan segera pada tarikh semakan semula status Syariah diumumkan agar dapat dikekalkan lebihan perolehan sekiranya ada.

! Risiko Kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada sama ada saham syarikat yang dipegang oleh Tabung ASK mudah dicairkan, yang mana ia bergantung kepada jumlah saham tersebut diperdagangkan di pasaran. Jika tabung memegang saham yang menjadi tidak cair, atau sukar untuk dilupuskan/dijual, nilai tabung akan terjejas secara negatif apabila ia perlu menjual saham tersebut pada harga yang tidak menguntungkan.”

“Bagi menangani risiko kecairan ini, Tabung ASK mengambil kira rekod jumlah dagangan sesuatu saham syarikat sebagai salah satu prasyarat pemilihan saham untuk pelaburan. Bagi memudahkan pelupusan segera saham, saiz pelaburan di dalam saham tersebut dihadkan pada suatu tahap tertentu agar tidak terlalu besar berbanding rekod keseluruhan jumlah dagangan saham berkenaan.

Bagi memenuhi tuntutan pembayaran luar jangka dan pembatalan unit oleh pelabur, di atas persetujuan Pemegang Amanah, Tabung ASK mempunyai polisi mengekalkan sekurangnya 5% dalam bentuk aset cair di sepanjang masa untuk mengurangkan risiko kecairan.

! Risiko Pematuhan

Ketidakpatuhan Syarikat Pengurus terhadap peraturan-peraturan di bawah Akta SCM 1993, Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007, Garispanduan Tabung Unit Amanah, lain-lain keperluan perundangan yang berkaitan serta pematuhan terhadap polisi dan prosedur dalaman boleh memberi kesan ke atas pelaburan pelabur.

Risiko ini dapat dikawal melalui penubuhan Unit Pematuhan di Syarikat Pengurus, yang mana Pegawai Pematuhan yang berdaftar dengan pihak SCM akan sentiasa memantau keperluan-keperluan pematuhan dan melapor secara terus kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Kecil yang berkenaan.

! Tiada Jaminan Agihan Pendapatan dan Kenaikan Modal

Berdasarkan risiko-risiko di atas dan risiko umum melabur di dalam Tabung Unit Amanah, Pengurus tidak menjamin pulangan dalam bentuk agihan pendapatan atau kenaikan modal. Ini kerana agihan pendapatan hanya dapat dibayar sekiranya Tabung ASK membuat keuntungan atau memperolehi penghasilan tunai (“cash produce”) dan kenaikan nilai modal adalah bergantung kepada prestasi pelaburan.

Para pelabur perlu memahami objektif pelaburan masing-masing. Pelaburan di dalam tabung unit amanah adalah kebiasaannya untuk jangka masa sederhana dan panjang dan pelabur perlu bersedia untuk menerima risiko yang berkaitan.

1.5 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

Pengagihan pendapatan Tabung (sekiranya ada) biasanya diisytihar sekali setahun pada akhir Februari atau awal Mac dan dibayar pada penghujung April sama ada dalam bentuk agihan tunai dan / atau pengujudan unit-unit tambahan. Walau bagaimanapun, Pengurus boleh menimbangkan membuat pengagihan interim sekiranya difikirkan wajar berdasarkan keuntungan semasa yang diperolehi di sepanjang tahun kewangan.

Pelabur berhak menerima agihan pendapatan (sekiranya diisytihar) berdasarkan unit terkumpul yang dipegang pada Tarikh Pengagihan ("Distribution Date"). Pengurus biasanya membuat Penutupan Daftar Pemegang Unit untuk tujuan pengagihan tersebut dan penutupan daftar ini biasanya diumumkan di dalam akhbar. Pengurus atas budibicaranya boleh menetapkan sama ada untuk mengagih keseluruhan perolehan tersebut, atau sebahagian atau tidak bagi satu-satu tahun kewangan tersebut.

Agihan pendapatan hanya dibayar daripada pendapatan atau perolehan direalisasi sahaja pada kadar yang ditentukan oleh Pengurus. Amaun yang boleh diagih ialah jumlah keuntungan bersih dengan mengambil jumlah pendapatan dan ditolak semua perbelanjaan yang dikenakan kepada Tabung ASK dan sebarang peruntukan yang difikirkan wajar. Komponen pendapatan termasuk keuntungan urusniaga ekuiti patuh Syariah, keuntungan pasaran wang Islam, pendapatan dividen daripada pelaburan patuh Syariah dan ekualisasi dividen manakala komponen perbelanjaan ialah yuran pengurusan, yuran pemegang amanah dan lain-lain kos pentadbiran Tabung ASK.

Penetapan kadar agihan ini dibuat berdasarkan kepada keuntungan bersih bagi tempoh / tahun, kedudukan aliran tunai dan juga jumlah pulangan ("*total return*"). Setelah penilaian dibuat, amaun yang diputuskan untuk diagih kemudian dibahagi dengan jumlah unit dalam edaran pada akhir tempoh / tahun kewangan untuk dinyatakan pengagihan tersebut di dalam "Sen seunit". Pemegang unit akan menerima agihan berdasarkan jumlah unit yang dipegang didarab dengan kadar agihan yang ditetapkan. Pengurus akan mendapatkan pengesahan daripada Pemegang Amanah terlebih dahulu sebelum agihan dibuat.

Jumlah pulangan ("*total return*") mengukur peratusan peningkatan atau penyusutan modal dalam tempoh perakaunan Tabung, yang mana ia digambarkan melalui perubahan harga unit bagi tempoh tersebut. Melalui pendekatan jumlah pulangan ini, pelabur / pemegang unit boleh menilai prestasi sesuatu Tabung dengan lebih wajar berbanding mengukur prestasi Tabung dengan hanya melihat kepada harga jualan, NAB Tabung atau kadar pengagihan yang dibuat oleh sesuatu Tabung.

Pelabur harus mengambil maklum bahawa pengagihan pendapatan memberi kesan ke atas harga unit. Pada tarikh agihan, harga unit secara automatik diselaraskan ke bawah sebanyak mana pengagihan dibuat (dengan andaian tiada belanja yang berkaitan agihan terlibat) disebabkan oleh jumlah yang diperuntukkan untuk agihan telah dikeluarkan daripada Tabung. Sehubungan itu, pelabur tidak dinasihatkan untuk membuat keputusan pelaburan hanya atas dasar sesuatu agihan dijangka akan diisytiharkan dalam tempoh yang terdekat.

Sekiranya pengagihan pendapatan yang dibayar tidak dituntut oleh pelabur, maka bayaran pengagihan yang tidak menuntut tersebut akan dilabur semula sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 28.4 Suratikatan ASK. *(Sila rujuk tajuk "Polisi Pelaburan Semula Pengagihan Pendapatan" di muka surat 20 bagi keterangan lanjut).*

1.6 TANDA ARAS UKURAN PRESTASI PELABURAN

Pengurus mengukur prestasi pelaburan Tabung ASK dengan merujuk kedudukan NAB pada setiap penghujung tahun kewangan Tabung ASK pada 28 atau 29 Februari berbanding kedudukan NAB pada tahun kewangan sebelumnya. Kaedah pengukuran prestasi adalah seperti berikut :-

$$\text{Prestasi Tabung ASK (\%)} = \frac{(\text{NAB terkini} - \text{NAB tahun sebelumnya})}{\text{NAB tahun sebelumnya}} \times 100\%$$

Selaku Tabung Ekuiti berteraskan Syariah dengan sebahagian besar dana aset dilabur di Bursa Malaysia, maka prestasi Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Syariah dilihat bersesuaian diguna pakai sebagai tanda aras.

Pengukuran prestasi Indeks Syariah ditunjukkan seperti berikut :

Prestasi Indeks Syariah (%) =

$$\frac{(\text{Penutup indeks terkini} - \text{Penutup indeks tahun sebelumnya})}{\text{Penutup indeks tahun sebelumnya}} \times 100\%$$

Maklumat berhubung Indeks Syariah boleh diperolehi di dalam laporan bursa saham tempatan sama ada melalui media elektronik atau media cetak.

1.7 PELABURAN YANG DIBENARKAN

Tabung ASK hanya dibenar melabur di dalam sekuriti yang menepati prinsip Syariah di kalangan instrumen pelaburan patuh Syariah seperti berikut :-

- ☐ Sekuriti syarikat tersenarai di Bursa Malaysia ;
- ☐ Unit tabung amanah yang tersenarai di Bursa Malaysia ;
- ☐ Sekuriti tersenarai di bursa saham asing ;
- ☐ Sekuriti tak tersenarai yang telah diluluskan oleh SCM untuk penyenaaran di Bursa Malaysia dan ditawarkan secara terus oleh syarikat yang hendak disenaraikan tersebut dengan cara penempatan persendirian atau secara tender ;
- ☐ Sijil-sijil pelaburan kerajaan ;
- ☐ Baki matawang Malaysia dalam tangan, deposit matawang Malaysia dengan mana-mana institusi perbankan secara Islam, termasuk sijil-sijil pelaburan ;
- ☐ Bil Penerimaan Islam, Bon Mudharabah Cagamas, Sekuriti-Sekuriti Hutang Islam yang mempunyai sekurang-kurangnya kadar minima BBB yang ditetapkan oleh Rating Agency of Malaysia Berhad (RAM) atau yang setaraf ;
- ☐ Unit di dalam lain-lain tabung unit amanah.
- ☐ Lain-lain jenis pelaburan seperti yang diluluskan oleh SCM dan Majlis Penyeliaan Syariah KIAM dari semasa ke semasa.

1.8 HAD-HAD PELABURAN

Had pelaburan Tabung adalah mengikut Garispanduan seperti berikut :-

Instrumen Pelaburan Patuh Syariah	Maksima
Nilai pelaburan dalam sekuriti tidak tersenarai.	10% NAB Tabung
Nilai pelaburan dalam modal saham biasa yang diterbitkan oleh terbitan tunggal	10% NAB Tabung
Nilai pelaburan dalam sekuriti boleh pindah dan instrumen pasaran wang yang diterbitkan oleh terbitan tunggal	15% NAB Tabung
Nilai pelaburan dalam deposit dengan mana-mana institusi tunggal	20% NAB Tabung
Pendedahan ke atas aset untuk pelaburan dalam derivatif	Mengikut had di jadual ini
Nilai pelaburan dalam urusniaga derivatif di luar kaunter ("over the counter") dengan mana-mana kaunter parti tunggal ("single counter-party")	10% NAB Tabung
Nilai pelaburan dalam produk berstruktur yang diterbitkan oleh kaunter parti tunggal ("single counter-party")	15% NAB Tabung
Nilai pelaburan agregat dalam sekuriti boleh pindah, instrumen pasaran wang, deposit, derivatif di luar kaunter ("over the counter") dan produk berstruktur yang diterbitkan oleh terbitan / institusi tunggal	25% NAB Tabung
Nilai pelaburan dalam unit / syer skim pelaburan kolektif ("collective investment scheme")	20% NAB Tabung
Nilai pelaburan dalam sekuriti boleh pindah dan instrumen pasaran wang yang diterbitkan oleh kumpulan syarikat	20% NAB Tabung
Pelaburan dalam sekuriti boleh pindah (selain daripada debentur) yang diterbitkan oleh terbitan tunggal	10% sekuriti yang diterbitkan oleh terbitan tunggal berkenaan
Pelaburan dalam debentur yang diterbitkan oleh terbitan tunggal	20% debentur yang diterbitkan oleh terbitan tunggal berkenaan
Pelaburan dalam instrumen pasaran wang yang diterbitkan oleh terbitan tunggal	10% instrumen yang diterbitkan oleh terbitan tunggal berkenaan
Pelaburan dalam mana-mana satu skim pelaburan kolektif	25% unit / syer dalam skim pelaburan kolektif berkenaan
Aset Cair : Tahap minima aset cair Tabung sebagaimana yang dipersetujui oleh Syarikat Pengurusan dan Pemegang Amanah adalah pada kadar 5% daripada NAB Tabung dan kedua-dua pihak berhak menyemak kadar tersebut dari semasa ke semasa.	
Pengecualian : Tabung telah diberi pengecualian melanggan saham yang diperuntukkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau Kementerian Kewangan Malaysia sehingga 30% modal berbayar syarikat tetapi tertakluk kepada had pegangan maksima sehingga 10% NAB Tabung.	
Nota : Had pelaburan perlu dipatuhi pada setiap masa berdasarkan nilai pasaran terkini pelaburan Tabung berbanding NAB Tabung. Walau bagaimanapun, kelonggaran melebihi sehingga 5% daripada had ditetapkan adalah dibenar dalam tempoh 3 bulan sekiranya pelanggaran tersebut disebabkan oleh peningkatan atau penurunan NAB Tabung (sama ada peningkatan atau penurunan nilai pelaburan, kesan belian unit atau bayaran yang dibuat oleh Tabung) nilai pasaran sekuriti berkenaan.	

1.9 POLISI BERKENAAN PELABURAN BERTERASKAN SYARIAH

Pengurus menetapkan Tabung ASK hanya melabur di dalam pelaburan yang berteraskan prinsip Syariah berdasarkan Garispanduan Syariah ASK yang digariskan oleh Majlis Penyeliaan Syariah KIAM. Antara ringkasan garispanduan utama yang ditetapkan adalah seperti berikut :-

- (a) Tabung ASK hanya menggunakan penilaian yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (MPS-SC) di dalam menentukan sekuriti tersenarai yang menepati prinsip Syariah dan dibenarkan untuk melabur.
- (b) Bagi sekuriti yang belum dibuat penilaian oleh MPS-SC, khususnya sekuriti yang belum dan di dalam proses untuk disenaraikan di Bursa Malaysia, Tabung ASK boleh membeli dahulu sekuriti tersebut (saham yang ditawarkan) pada asas harus melainkan telah jelas perniagaan syarikat berkenaan tidak menepati prinsip Syariah.
- (c) Bagi sekuriti yang tidak disenaraikan, status patuh Syariah sekuriti berkenaan akan dinilai sendiri oleh Majlis Penyeliaan Syariah KIAM (MPS-KIAM).
- (d) Bagi sekuriti yang statusnya berubah kepada tidak patuh Syariah, Tabung ASK menggunakan garispanduan terkini pelupusan saham syarikat tidak patuh Syariah mengikut kaedah yang disarankan oleh MPS-SC, kecuali melakukan tindakan berikut di dalam tempoh pemegangan sekuriti tidak patuh Syariah berkenaan yang harga pasarannya masih berada di bawah kos pelaburan, iaitu :-
 - (i) menyimpan dividen yang diterima bagi tempoh operasi tidak patuh Syariah;
 - (ii) melanggan terbitan sekuriti baru oleh syarikat tidak patuh Syariah berkenaan; atau
 - (iii) melanggan sekuriti patuh Syariah syarikat lain yang ditawarkan oleh syarikat tidak patuh Syariah berkenaan.

Sekiranya Tabung ASK memegang "sekuriti patuh Syariah" yang kemudiannya bertukar status kepada "tidak patuh Syariah" setelah disemak semula dan diumumkan oleh MPS-SC, Tabung ASK mesti melupuskannya sekiranya harga pasaran sekuriti tersebut melebihi atau bersamaan dengan kos pelaburan. Tabung ASK boleh menyimpan dividen yang diterima sehingga tarikh pengumuman serta keuntungan modal hasil daripada pelupusan sekuriti tersebut pada tarikh pengumuman dibuat. Walau bagaimanapun, dividen dan lebihan keuntungan modal yang diterima hasil daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah selepas hari pengumuman, hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan-badan kebajikan seperti yang dinasihatkan oleh MPS-KIAM.

Sebaliknya, Tabung ASK masih boleh memegang sekuriti tidak patuh Syariah sekiranya harga pasaran sekuriti tersebut berada di bawah kos pelaburan dan akan dilupuskan apabila harga pasaran sekuriti tersebut bersamaan dengan kos pelaburan. Walau bagaimanapun, Tabung ASK boleh melupuskan sekuriti tersebut lebih awal dan dengan kerugian, khususnya apabila faktor fundamental dan prospek sekuriti tersebut semakin lemah.

Sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan sepertimana yang dinyatakan di atas yang menyebabkan berlakunya pegangan pelaburan dalam sekuriti tidak patuh Syariah, pihak pengurusan akan terus melaporkan kepada Jawatankuasa Pelaburan KIAM (JP-KIAM) dan MPS-KIAM untuk diambil tindakan dengan kadar segera. Pihak JP-KIAM dan MPS-KIAM akan menggunakan garispanduan terkini pelupusan saham sekuriti tidak patuh Syariah mengikut kaedah yang disarankan oleh MPS-SC.

Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 3.1 Suratikatan ASK, Tabung ASK yang berteras Syariah adalah ditadbir mengikut keputusan MPS-KIAM, walaupun adakalanya terdapat perbezaan dengan keputusan yang dikeluarkan oleh MPS-SC.

- (e) Pengurusan Tabung ASK tidak berkewajipan untuk membayar zakat bagi pihak pemegang unit ASK. Kewajipan membayar zakat adalah terletak ke atas pemegang unit sendiri secara individu atau pemegang saham bagi pelabur korporat.

Portfolio pelaburan Tabung ASK terdiri daripada sekuriti yang diklasifikasikan sebagai patuh Syariah oleh MPS-SC. Bagi sekuriti yang tidak disahkan oleh MPS-SC, status sekuriti tersebut akan ditentukan mengikut ketetapan yang dikeluarkan oleh MPS-KIAM.

Lebih muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

2. YURAN, CAJ & PERBELANJAAN

2.1 CAJ-CAJ KETIKA MEMBELI DAN MENJUAL BALIK UNIT

Caj-caj berikut dikenakan secara langsung oleh Pengurus ketika anda membeli dan menjual balik unit-unit Tabung ASK :

Caj Jualan

Caj jualan sebenar ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa pada kadar tidak melebihi 5% daripada NAB seunit dan terpakai untuk semua saluran jualan di sepanjang hayat Prospektus. Caj jualan boleh dirunding di atas budibicara Pengurus dan pengiraan akhir caj jualan dibulatkan ke bawah kepada 4 titik perpuluhan.

➤ Ilustrasi :

(i)	Tarikh pelaburan	:	1 Januari 2019
(ii)	NAB seunit di penutup urusan pada 31 Disember 2018	:	RM0.1802...
(iii)	Kadar caj jualan yang ditetapkan oleh Pengurus	:	3%
Caj jualan seunit yang dikenakan		=	Caj jualan x NAB seunit
		=	3% x RM0.1802...
		=	RM0.0054

Caj Belian Balik

Caj belian balik sebenar (jika ada) ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa pada kadar tidak melebihi 2% daripada NAB seunit serta tidak melebihi 5 sen seunit dan terpakai untuk semua saluran belian balik di sepanjang hayat Prospektus. Caj belian balik tidak boleh dirunding dan pengiraan akhir caj belian balik adalah dibulatkan ke bawah kepada 4 titik perpuluhan.

➤ Ilustrasi :

(i)	Tarikh belian balik	:	1 Januari 2019
(ii)	NAB seunit di penutup urusan Pada 31 Disember 2018	:	RM0.1802...
(iii)	Kadar caj belian balik yang ditetapkan oleh Pengurus	:	2%
Caj belian balik seunit yang dikenakan		=	Caj belian balik x NAB seunit
		=	2% x RM0.1802...
		=	RM0.0036

Nota : a) Tabung ASK mengamalkan kaedah harga silam dalam menentukan harga jualan dan belian balik.
b) Contoh pengiraan di atas adalah bagi tujuan ilustrasi.

2.2 YURAN-YURAN DAN PERBELANJAAN KETIKA MELABUR

Yuran-yuran berikut dikenakan secara tidak langsung oleh Pengurus dalam tempoh hayat prospektus ini :

Yuran Tahunan Pengurusan

Pengurus layak mendapat Yuran Tahunan Pengurusan sebanyak maksima 1.5% daripada NAB Tabung ASK (NAB kasar @ sebelum mengambil kira yuran pengurusan dan yuran pemegang amanah yang diakrukan pada hari tersebut) dan diakrukan secara harian mengikut bilangan hari dalam tahun berkenaan.

➤ Ilustrasi :-

Pada 31 Disember 2018, NAB Tabung ASK (kasar) ialah RM22,272,181.09 dan kadar yuran pengurusan ditetapkan oleh Pengurus sebanyak 1.5% daripada NAB tersebut. Pengiraan Yuran ini adalah seperti berikut :

$$\begin{aligned}\text{Yuran Tahunan Pengurusan} &= \text{NAB harian (kasar)} \\ \text{Diakrukan Secara Harian} &\quad \times \text{kadar yuran} \\ &= \frac{\text{RM22,272,181.09} \times 1.5\%}{365 \text{ hari}} \\ &= \text{RM915.30}\end{aligned}$$

Yuran Tahunan Pemegang Amanah

Pemegang Amanah ASK layak mendapat Yuran Tahunan Pemegang Amanah iaitu sebanyak 0.07% daripada NAB Tabung ASK (kasar @ sebelum mengambilkira yuran pengurusan dan yuran pemegang amanah yang diakrukan pada hari tersebut) dan diakrukan secara harian mengikut bilangan hari dalam tahun berkenaan.

➤ Ilustrasi :-

Pada 31 Disember 2018, NAB Tabung ASK (kasar) ialah RM22,272,181.09 dan kadar yuran pemegang amanah ditetapkan sebanyak 0.07% daripada NAB tersebut. Pengiraan Yuran ini adalah seperti berikut :

$$\begin{aligned}\text{Yuran Tahunan Pemegang} &= \text{NAB tabung harian (kasar)} \\ \text{Amanah Diakrukan Secara Harian} &\quad \times \text{kadar yuran} \\ &= \frac{\text{RM22,272,181.09} \times 0.07\%}{365 \text{ hari}} \\ &= \text{RM42.71}\end{aligned}$$

Nota : a) Tabung ASK mengamalkan kaedah harga silam dalam menentukan harga jualan dan belian balik.
b) Contoh pengiraan di atas adalah bagi tujuan ilustrasi.

Perbelanjaan Tabung ASK

Perbelanjaan berkaitan secara langsung dengan Tabung ASK adalah seperti berikut :

- (i) Semua yuran dan perbelanjaan Juruaudit ;
- (ii) Yuran profesional dan perakaunan serta perbelanjaan yang diluluskan oleh Pemegang Amanah ASK ;
- (iii) Kos mencetak dan mengedar kepada Pemegang Unit dokumen-dokumen seperti akaun Tabung ASK, cukai, sijil, waran pengagihan pendapatan, notis mesyuarat Pemegang Unit, iklan akhbar mengikut keperluan Fasal 39 Suratikatan dan lain-lain kos berkaitan yang dilulus oleh Pemegang Amanah ;
- (iv) Yuran penilaian berkaitan Tabung ASK ;
- (v) Duti dan cukai berkaitan Tabung ASK ;
- (vi) Semua belanja berkaitan pendaftaran, insurans atau penyimpanan dokumen hak milik pelaburan Tabung ASK yang diuruskan oleh Pemegang Amanah dan
- (vii) Perbelanjaan Pemegang Amanah bagi urusan berkaitan Tabung ASK.

2.3 POLISI MENGENAI REBET DAN KOMISEN RINGAN

Sebarang komisen ringan yang diterima daripada broker seperti bahan penyelidikan dan kajian pelaburan yang memberi manfaat kepada Tabung ASK akan disimpan oleh Pengurus seperti yang dibenarkan oleh Garispanduan. Bagi urusniaga pelaburan Tabung ASK, sebarang rebet yang diperolehi telah ditolak terlebih dahulu daripada amaun yang perlu dibayar semasa membeli sesuatu sekuriti.

“Terdapat yuran serta caj yang terlibat dan pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan yuran dan caj tersebut sebelum membuat pelaburan.”

3. MAKLUMAT URUSNIAGA

3.1 ASAS PENILAIAN PELABURAN

Pelaburan Tabung ASK dinilai setiap hari perniagaan mengikut kaedah di bawah Jadual-C Garispanduan Tabung Unit Amanah seperti ringkasan berikut :-

Instrumen Pelaburan	Kaedah Penilaian
Sekuriti Tersiarharga	Harga pasaran. Jika harga pasaran sekuriti dilihat tidak wajar sewaktu pasaran tidak normal atau tiada harga pasaran termasuk bagi sekuriti tersenarai yang digantung urusniaga melebihi 14 hari atau tempoh yang lebih pendek yang dipersetujui oleh pemegang amanah, sekuriti akan dinilai secara wajar mengikut kaedah yang diluluskan oleh pemegang amanah setelah rundingcara teknikal bersesuaian dilaksanakan.
Bon tidak tersenarai dinyatakan dalam Ringgit Malaysia	Mengikut harga dinyatakan oleh agen harga bon (BPA) yang berdaftar dengan SCM. Jika harga bon tertentu yang dinyatakan oleh BPA berubah dari nilai pasaran melebihi 20 mata asas, maka harga pasaran akan digunakan.
Lain-lain bon tidak tersenarai	Nilai wajar dengan rujukan kepada purata pulangan indikatif yang dinyatakan oleh tiga institusi bebas bereputasi.
Skim pelaburan kolektif tidak tersenarai	Harga belian balik terakhir
Lain-lain pelaburan	Nilai wajar mengikut kaedah yang diluluskan oleh pemegang amanah dan disahkan oleh juruaudit.

3.2 POLISI BERKENAAN TITIK PENILAIAN

Pengurus menetapkan titik penilaian ("valuation point") NAB Tabung ASK hanya dibuat dua (2) kali setiap hari perniagaan iaitu di penutup setiap sesi urusniaga di Bursa Malaysia pada jam 12.30 tengahari dan 5.00 petang. Titik penilaian pada jam 5.00 petang adalah untuk membuat pengiraan wajib bagi menentukan harga unit bagi urusniaga pada hari perniagaan berikutnya, manakala titik penilaian pada jam 12.30 tengahari bertujuan membuat pemantauan perubahan NAB Tabung ASK sama ada perlu ditentukan semula harga unit atau tidak.

Pengurus tidak membuat pemantauan perubahan NAB atau mengira semula harga unit pada lain-lain titik penilaian.

3.3 KAEDAH HARGA SILAM

Pengurus mengamalkan kaedah Harga Silam ('Historic Pricing') dalam menentukan harga jualan dan belian balik unit. Mengikut kaedah ini, harga jualan dan harga belian balik dikira berdasarkan NAB Tabung ASK pada titik penilaian terakhir sebelum permohonan diterima.

Sekiranya berlaku pergerakan besar pasaran saham di penutup sesi pagi urusniaga bursa pada jam 12.30 tengahari dan melibatkan perbezaan NAB seunit Tabung melebihi 5% daripada titik penilaian terakhir, maka Pengurus akan menetapkan semula harga unit ASK mulai jam 2.00 petang pada hari yang sama.

3.4 PENGIRAAN NILAI ASET BERSIH

Nilai unit ditentukan berdasarkan NAB Tabung ASK yang memberi maksud nilai ke semua aset Tabung iaitu nilai pasaran ke semua pelaburan dalam sekuriti, pasaran wang, tunai serta harta lain setelah ditolak liabiliti atau caj yang berkaitan pada sesuatu titik penilaian.

NAB Seunit pula ditentukan dengan membahagikan NAB Tabung ASK dengan bilangan unit yang telah diterbitkan dan menggambarkan nilai satu unit amanah serta menjadi asas pengiraan harga jualan dan belian balik unit.

3.5 PENGIRAAN HARGA JUALAN DAN HARGA BELIAN BALIK UNIT SECARA HARGA TUNGGAL ("SINGLE PRICING")

Belian dan jualan balik unit ASK adalah dilaksanakan secara harga tunggal, iaitu pada harga NAB seunit. Caj jualan dan caj belian balik (jika ada) akan dikenakan secara langsung apabila pelabur membeli dan menjual balik unit. Caj-caj ini tidak akan dimasukkan ke dalam harga unit, di mana ianya dikira dan dicajkan secara berasingan apabila pelabur membeli dan menjual balik unit ASK.

Ilustrasi umum pengiraan bayaran ketika membeli unit

- (i) Jumlah wang yang ingin dilaburkan : RM3,000
- (ii) NAB seunit di titik penilaian sebelum urusan membeli unit : RM0.3000
- (iii) Caj jualan seunit yang ditetapkan oleh Pengurus : 3% daripada NAB seunit
- (iv) Bilangan unit yang diperolehi
$$= \frac{\text{Jumlah wang}}{\text{NAB seunit}} = \frac{\text{RM3,000}}{\text{RM0.3000 seunit}} = 10,000 \text{ unit}$$
- (v) Caj jualan yang perlu dibayar oleh pelabur
$$= 3\% \times \text{RM0.3000} \times 10,000 \text{ unit} = \text{RM90.00}$$
- Amaun yang perlu dibayar oleh pelabur ialah (i + v) :-

Amaun yang dilaburkan	RM3,000
(+) Caj jualan unit	<u>RM 90</u>
Jumlah	<u>RM3,090</u>

Ilustrasi umum pengiraan penerimaan ketika menjual balik unit

- (i) Jumlah unit yang hendak dijual : 10,000 unit
- (ii) NAB seunit di titik penilaian sebelum urusniaga menjual balik unit : RM0.3000
- (iii) Caj belian balik seunit yang ditetapkan oleh Pengurus : 2% dari NAB seunit
- (iv) Jumlah amaun daripada jualan balik

$$= \text{Jumlah jualan balik unit} \times \text{NAB seunit}$$

$$= 10,000 \text{ unit} \times \text{RM0.3000 seunit} = \text{RM3,000}$$
- (v) Caj belian balik yang perlu dibayar oleh pelabur

$$= \text{Caj jualan balik seunit} \times \text{Jumlah jualan balik unit}$$

$$= 2\% \times \text{RM0.3000} \times 10,000 \text{ unit} = \text{RM60}$$

- Amaun yang diterima oleh pelabur ialah (iv - v) :-

Amaun jualan balik unit	RM3,000
(-) Caj belian balik unit	<u>RM 60</u>
Jumlah	<u>RM2,940</u>

Nota : a) Tabung ASK mengamalkan kaedah harga silam dalam menentukan harga jualan dan belian balik.
b) Contoh pengiraan di atas adalah bagi tujuan ilustrasi.

3.6 PERMOHONAN DAN PENEBUSAN UNIT

Pelaburan Permulaan Minima	◆ 10 unit.
Pelaburan Tambahan Minima	◆ 10 unit (tidak termasuk pelaburan semula pengagihan pendapatan).
Belian Balik Minima	◆ Tiada jumlah minima disyaratkan.
Kekerapan Belian Balik	◆ Tiada sekatan ke atas kekerapan belian balik.
Pembayaran Belian Balik	◆ Dalam tempoh 10 hari dari tarikh permohonan diterima.
Tempoh Bertenang	◆ 6 hari pemiagaan. (keterangan lanjut di muka surat 21)
Tukar Pelaburan Antara Dana (Switching)	◆ Tiada kemudahan disediakan.
Pindah Milik Unit	Boleh dipindahmilik secara keseluruhan atau sebahagian kepada pelabur yang layak. (keterangan lanjut di muka surat 22)

**Menebus Dan
Pelaburan Semula
(Exit & Re-Entry Option)**

- ◆ Pelabur boleh memilih untuk menebus dan melabur semula ke dalam Tabung ASK mengikut prosedur biasa jualan dan belian balik yang ditetapkan.

**Pelaburan Semula
Pengagihan
Pendapatan**

- ◆ Pelabur boleh memilih untuk melabur semula pengagihan pendapatan mengikut kaedah yang ditetapkan di bawah Suratikatan Tabung ASK tanpa caj tambahan dikenakan.
(keterangan lanjut di muka surat 23)

**Kemudahan Pelaburan
Melalui Skim Pelaburan
Ahli KWSP**

- ◆ Tiada

3.7 DI MANA UNIT TABUNG ASK BOLEH DIBELI DAN DIJUAL BALIK

Unit Tabung ASK boleh dibeli di kaunter pejabat Pengurus seperti alamat di bawah, atau di kaunter bergerak yang diadakan berhampiran tempat anda dari semasa ke semasa :-

Kedah Islamic Asset Management Berhad

178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah, 05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman

Pada masa ini, Pengurus tidak melantik mana-mana agen persendirian atau institusi untuk urusniaga unit Tabung ASK.

**“PELABUR ADALAH DINASIHAT TIDAK MEMBUAT BAYARAN SECARA TUNAI KEPADA
MANA-MANA AGEN INDIVIDU APABILA MEMBELI UNIT TABUNG ASK”**

3.8 BAGAIMANA HENDAK MEMBELI DAN MENJUAL BALIK UNIT

Permohonan Untuk Membeli Unit

Pelabur dikehendaki mengisi borang permohonan yang disertakan bersama Prospektus dan boleh didapati secara percuma di pejabat Pengurus KIAM atau kaunter bergerak KIAM. Sekiranya menghadapi kesukaran untuk datang ke pejabat KIAM, pelabur boleh menelefon kami di talian 04-7300323 dan pihak kami bersedia mengirimkan borang permohonan dan Prospektus tersebut. Borang permohonan yang telah lengkap berserta pembayaran dalam bentuk Cek Jurubank, Deraf Bank (dibayar di Alor Setar), Kiriman Wang atau Cek Persendirian (sertakan bayaran komisen untuk cek luar) atas nama “Kedah Islamic Asset Management Berhad” hendaklah dikemukakan terus ke pejabat KIAM sama ada dengan datang sendiri ke kaunter atau melalui pos. Pembayaran secara tunai boleh diterima jika pembelian dibuat di kaunter KIAM.

Syarat kelayakan pelabur untuk membeli unit-unit Tabung ASK adalah :-

- Bumiputera Malaysia berumur 18 tahun ke atas pada tarikh permohonan ; atau
- Syarikat, institusi dan badan yang diklasifikasikan sebagai milik Bumiputera.

Pemohon yang mahu menjadi Pemegang Unit Bersama boleh berumur kurang daripada lapan belas (18) tahun pada tarikh permohonan, dengan syarat Pemegang Unit utama hendaklah menepati kriteria kelayakan pelabur di atas dan Pemegang Unit Bersama tersebut juga seorang Bumiputera.

Pemohon yang berjaya akan diberikan Sijil atau Penyata Pelaburan. Sijil-sijil / Penyata Pelaburan unit Tabung ASK di atas nama pemohon yang berjaya akan dihantar melalui pos biasa kepada alamat pemohon dan di atas risiko pemohon sendiri, dalam tempoh 60 hari dari tarikh pembelian.

Pengurus mempunyai hak menolak keseluruhan atau sebahagian permohonan untuk membeli unit-unit. Pemohon yang tidak berjaya akan diberitahu dan wang mereka akan dikembalikan oleh Pengurus dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan diterima. Pengembalian wang pemohon yang tidak berjaya dilakukan melalui pos biasa atas risiko pemohon sendiri.

Permohonan Untuk Menjual Balik Unit

Pemegang unit boleh menjual balik unit mereka kepada Pengurus (KIAM) pada bila-bila masa di hari bekerja dengan mengisi Borang Permohonan Belian Balik yang terdapat di belakang sijil atau penyata pelaburan dan mengemukakan kepada pihak KIAM. Pengurus akan membeli balik unit-unit mengikut harga belian balik pada hari permohonan diterima. Bayaran untuk penebusan akan dibuat dalam tempoh 10 hari dari tarikh permohonan diterima. Sekiranya pembelian balik dibuat di kaunter KIAM, Pengurus akan membuat pembayaran pada hari yang sama bagi jumlah pembelian balik yang bernilai kurang daripada RM500.

3.9 HAK TEMPOH BERTENANG

Mengikut syarat kelayakan di bawah, Pemegang Unit berhak menarik balik pelaburan mereka melalui urusan pertama pembelian unit yang telah dilakukan dalam tempoh 6 hari perniagaan dari tarikh permohonan serta pembayaran wang pelaburan diterima oleh Pengurus atau dari tarikh permohonan diterima melalui faks, dengan syarat permohonan rasmi serta pembayaran diterima kemudian dalam tempoh 3 hari. Jika pembayaran dibuat dengan cek, hak tempoh bertenang hanya dianggap terlaksana setelah cek tersebut jelas.

Pemegang Unit yang layak untuk melaksanakan hak tempoh bertenang adalah Pemegang Unit yang pertama kali melabur di dalam Tabung ASK kecuali :-

- (i) Kakitangan Syarikat Pengurusan ; dan
- (ii) Orang yang berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh SCM untuk berurusan di dalam unit amanah.

Sekiranya Pemegang Unit yang menepati kriteria di atas menggunakan hak tempoh bertenang, Pengurus akan mengembalikan sepenuhnya wang pelabur bagi urusan pertama pembelian unit mengikut jumlah NAB seunit dicampur caj jualan yang telah dikenakan pada hari unit dibeli dahulu. Pengembalian wang pelabur akan dilakukan dalam tempoh 10 hari dari tarikh permohonan hak tempoh bertenang diterima dan terlaksana.

3.10 PINDAH MILIK UNIT

Pindah Milik Biasa

Unit-unit boleh dipindah milik. Kedua-dua pemindah milik (Pemegang Unit) dan penerima pindah milik hendaklah mengisi borang pindah milik bersama-sama sijil atau penyata pelaburan. Pengurus akan memproses permohonan pindah milik mengikut peruntukan Suratikatan dan penerima milik hendaklah menepati kriteria Pemegang Unit yang layak.

Pindah Milik Atas Sebab Kematian

Pindah milik atas sebab kematian Pemegang Unit individu ditentukan berdasarkan pegangan unit si mati.

❑ Pegangan 1,000 unit ke bawah

Bagi Pemegang Unit yang meninggal dunia dan mempunyai 1,000 unit ke bawah, unit boleh dipindah milik kepada mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan ("next-of-kin relationship") dengan si mati. Waris hendaklah mengemukakan dokumen bukti kematian serta hubungan kekeluargaan dan menandatangani pengisytiharan di dalam borang yang disediakan bagi membuat tuntutan. Waris tersebut juga hendaklah menepati kriteria kelayakan Pemegang Unit.

❑ Pegangan melebihi 1,000 unit

Bagi Pemegang Unit yang meninggal dunia dan memiliki lebih daripada 1,000 unit, pindah milik unit hanya boleh dibuat kepada wasi ("executor") atau pentadbir harta pusaka ("administrator").

Bagi Pemegang Unit yang meninggalkan wasiat, wasi hendaklah mengemukakan probet (sijil pengesahan wasiat) daripada mahkamah untuk membuktikan wasiat dan hak mereka menguruskan harta. Pindahmilik unit si mati seterusnya dilakukan dengan syarat penerima pindahmilik menepati ciri-ciri kelayakan Pemegang Unit dan semua urusan perlulah disertai dengan sijil asal. Pengurus akan memproses pindahmilik ini berdasarkan kepada pembahagian di dalam surat kuasa tersebut.

Bagi Pemegang Unit yang meninggal dunia tanpa wasiat, waris hendaklah melantik Pentadbir dan mengemukakan surat pentadbiran (letter of administration) sebagai membuktikan kuasa mentadbir harta si mati. Pentadbir harta pusaka hendaklah terdiri dari badan / individu yang diiktiraf. Pentadbir boleh memohon kepada Pengurus untuk menambah nama Pentadbir pada sijil. Rekod ini akan terus mengandungi nama pentadbir sehinggalah satu perintah baru dikeluarkan oleh Pentadbir untuk menjual unit-unit tersebut atau dipindahkan kepada waris-waris yang ditetapkan.

3.11 POLISI PELABURAN SEMULA PENGAGIHAN PENDAPATAN

Pengagihan pendapatan (sekiranya ada) kepada Pemegang Unit dibuat sama ada melalui cek pembayaran (waran) atau pelaburan semula unit ke dalam akaun pelabur, bergantung kepada arahan pelabur kepada Pengurus.

Bagi pelaburan semula pengagihan pendapatan, pelabur tidak menanggung sebarang kos untuk tujuan ini dan harga unit bagi pelaburan semula adalah berdasarkan NAB seunit pada tarikh pelaburan semula dilaksanakan. Sekiranya pelabur memberi arahan bertulis untuk melabur semula pengagihan pendapatan, waran tidak akan dikeluarkan kepada pelabur dan Pengurus akan terus melabur semula waran tersebut pada hari ke - 30 dikira daripada tarikh pengagihan pendapatan.

➤ Ilustrasi :-

Pelaburan Semula Pengagihan Pendapatan Melalui Arahan Bertulis Dari Pelabur	
Diandaikan tarikh pengagihan pendapatan pada	➤ 28 Februari 2018
Tarikh pelaburan semula (30 hari selepas tarikh pengagihan pendapatan)	➤ 30 Mac 2018

Sebaliknya, sekiranya tiada arahan bertulis diberikan, Pengurus akan mengirимkan waran tersebut kepada pelabur dalam tempoh dua bulan daripada tarikh pengagihan pendapatan. Oleh yang demikian, pelabur dinasihati untuk menunaikan waran mereka atau mendepositkan ke dalam akaun bank masing-masing dalam tempoh laku waran tersebut selama 6 bulan dari tarikh waran. Sekiranya pelabur masih gagal menunaikan waran dalam tempoh setahun dari tarikh pengagihan pendapatan, Pengurus akan terus melabur semula waran tersebut secara automatik pada hari ke - 30 selepas tamat tempoh setahun tersebut.

➤ Ilustrasi :

Pelaburan Semula Pengagihan Pendapatan Setelah Waran Tidak Ditunaikan	
Diandaikan tarikh pengagihan pendapatan pada	➤ 28 Februari 2018
Genap tempoh setahun waran tidak ditunaikan	➤ 28 Februari 2019
Tarikh waran dilabur semula (hari ke-30 dari tarikh genap tempoh setahun tidak ditunaikan)	➤ 30 Mac 2019

Walau bagaimanapun, pelaburan semula pengagihan pendapatan sama ada melalui arahan atau tidak adalah tertakluk kepada ketentuan Pengurus sekiranya unit masih ada. Bagi pelabur yang memberi arahan melabur semula, Pengurus akan mengembalikan waran sekiranya unit tiada, manakala bagi pelabur yang tidak memberikan arahan, waran yang tidak ditunaikan apabila genap satu (1) tahun akan dihantar kepada Jabatan Wang Tak Dituntut.

Pemegang Unit akan menerima Penyata Pelaburan Semula yang menunjukkan jumlah unit yang dipegang hasil pelaburan semula. Penyata Pelaburan Semula boleh diguna sebagai bukti pegangan unit dan sah untuk tujuan penebusan (belian balik). Pengurus tidak mengeluarkan sijil bagi pelaburan semula.

"Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, boleh naik dan boleh juga turun"

4. PENGURUS TABUNG ASK

4.1 PROFIL PENGURUS

KIAM merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Kedah Berhad dan telah diperbadankan pada 10 September 1994 di bawah Akta Syarikat 1965. Modal dibenar adalah RM10,000,000 dibahagi kepada 10,000,000 saham biasa RM1.00 setiap satu dan sebanyak 8,418,000 saham telah diterbitkan dan dibayar penuh.

KIAM yang berlesen di bawah Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007, berpengalaman selama lebih 23 tahun di dalam industri unit amanah dan pengurusan dana. Pada masa ini, KIAM mengurus tiga (3) dana, iaitu satu (1) tabung unit amanah dan dua (2) dana institusi, dengan nilai pelaburan pada 31 Januari 2019 berjumlah RM36.92 juta.

Tugas utama Pengurus termasuk menentukan matlamat pelaburan, mengurus pelaburan Tabung ASK, mengatur penjualan dan pembelian unit-unit, pengagihan pendapatan atau unit-unit tambahan kepada Pemegang Unit dan menyimpan rekod-rekod Tabung ASK dengan baik.

Pada 31 Januari 2019, KIAM tidak terlibat dalam sebarang pendakwaan dan pengadilan ("litigation & arbitration") yang material, termasuk mana-mana yang ditangguh atau terancam, dan sebarang fakta seakan membawa kepada tindakan undang-undang, yang mana boleh menjejaskan perniagaan / kedudukan kewangan KIAM dan mana-mana wakil yang dilantik olehnya (jika ada).

4.2 LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah KIAM bertanggungjawab melaksanakan tugas mereka mengikut Akta Syarikat 1965. Pada 15 Februari 2019, Lembaga Pengarah dianggotai oleh 3 ahli yang mana 2 daripada mereka berupa ahli bebas. Tertakluk kepada perubahan keahlian dari semasa ke semasa, Lembaga Pengarah KIAM terdiri daripada:-

LEMBAGA PENGARAH KIAM	
1. Prof. Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh bin Haji Din	(Pengarah Bebas)
2. Prof. Dr. Rushami Zien bin Yusoff	(Pengarah Bebas)
3. Adi Harriman bin Abdul Majid	(Pengarah Bukan Bebas/Ketua Eksekutif)

4.3 PENGURUSAN PELABURAN KIAM

Jawatankuasa Pelaburan KIAM

Peranan dan fungsi utama Jawatankuasa Pelaburan KIAM adalah seperti berikut :

- (i) bertanggungjawab dalam pengurusan pelaburan;
- (ii) merangka polisi dan strategi Tabung ASK;
- (iii) meneliti prestasi Tabung ASK;
- (iv) menyemak kedudukan ekonomi dan pasaran;
- (v) menentukan strategi pelaburan;
- (vi) mengkaji semula portfolio dan membincang isu-isu pelaburan berbangkit.

Sebagai amalan terbaik, Jawatankuasa Pelaburan KIAM mensasarkan untuk bermesyuarat empat (4) kali setahun.

Majlis Penyeliaan Syariah KIAM

Ditubuhkan bagi menasihati Pengurus berkaitan aspek Syariah agar pengurusan Tabung ASK tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Sebagai amalan terbaik, Majlis Penyeliaan Syariah KIAM mensasarkan untuk bermesyuarat dan menyemak status pematuhan pengurusan Tabung ASK terhadap prinsip Syariah, dua (2) kali setahun. Tertakluk kepada perubahan komposisi dan maklumat dari semasa ke semasa, ahli-ahli Majlis adalah seperti berikut:-

Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh Hasbullah Bin Haji Abdul Halim	
Jawatan	• Pesara Kerajaan
Kelayakan	• B.A. Kulliah Syariah Wal Qanun, Universiti Al-Azhar • Diploma Kehakiman & Pentadbiran Syariah, Universiti Islam Antarabangsa • Syahadah Nihaiyah, Maktab Mahmud
Pengalaman ➤ Dato' Paduka Syeikh Hasbullah berpengalaman luas berhubung undang-undang Syariah di mana beliau berupa mantan Mufti Negeri Kedah Darul Aman dari tahun 2002 hingga 2009. Beliau merupakan Pengerusi Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah Kedah/Perlis, Ahli Jawatankuasa Lembaga Teks Al Quran Kementerian Dalam Negeri Malaysia dan pernah memegang jawatan sebagai Kadi Besar dan Ketua Hakim Syarie selama 7 tahun. Di samping itu, Dato' Paduka juga pernah dilantik sebagai Timbalan Kadi Besar, Setiausaha Baitulmal serta pelbagai jawatan lain di Negeri Kedah. Dato' Paduka telah menganggotai Majlis Penyeliaan Syariah KIAM sejak 28 September 2004.	

Dato' Wira Syeikh Yahaya Bin Haji Jusoh	
Jawatan	• Pesara Kerajaan
Kelayakan	• Lulusan B.A Azhar daripada Universiti Al-Azhar, Mesir (Pengajian Islam / Syariah) • Diploma Undang-Undang Pentadbiran dan Kehakiman Syariah, Universiti Islam Antarabangsa
Pengalaman ➤ Dato' Wira Syeikh Yahaya merupakan bekas Ketua Hakim Syarie Negeri Kedah dan juga bekas Yang Di Pertua Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Kadi daerah Pendang, Bandar Baharu dan Kota Setar, Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Kedah, Timbalan Kadi Besar Kedah Utara dan Kedah Tengah serta Ketua Penerangan dan Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah. Dato' Syeikh Yahaya telah menganggotai Majlis Penyeliaan Syariah KIAM sejak 1 November 1998.	

Prof. Dr. Md. Amin bin Abdul Rahman	
Jawatan	• Profesor Universiti, Kulliyah Syariah & Undang-Undang, Kolej Universiti Insaniah
Kelayakan	• Ph.D (Syariah), Universiti Kebangsaan Malaysia • Sarjana Pengajian Islam (Dakwah dan Kepimpinan), Universiti Kebangsaan Malaysia • Al Ijazah Al Aliyah (Fi Al Shariah Wa Al Qanun), University Al Azhar, Mesir
Pengalaman ➤ Prof. Dr. Md. Amin berpengalaman luas berhubung pendidikan Undang-undang Islam. Beliau pernah memegang jawatan sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Georgetown, Pulau Pinang dan Pensyarah di Pusat Pendidikan Islam, Universiti Teknologi MARA. Prof. Dr. Md. Amin telah menganggotai Majlis Penyeliaan Syariah KIAM pada 27 Mei 2015.	

Pengurus Dana Dalam Yang Dilantik Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Pelaburan Tabung ASK

Pengurus Dana dalam yang dilantik ("Designated Person") Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Pelaburan dan Penyelidikan Tabung ASK adalah seperti berikut:-

Adi Harriman bin Abdul Majid (Ketua Eksekutif), 52 tahun, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan & Kewangan dari Liverpool Polytechnic, United Kingdom pada tahun 1990. Memulakan kerjaya sebagai Pegawai Kewangan di sebuah syarikat broker saham pada tahun 1991, beliau berpengalaman luas di dalam bidang akaun dan operasi syarikat broker saham. Encik Adi Harriman menyertai KIAM sejak penubuhannya pada tahun 1994. Beliau pernah mengetuai Jabatan Kewangan dan Pentadbiran KIAM selama 17 tahun dan menjadi Pemangku Ketua Eksekutif KIAM mulai 1 April 2012 sehingga 28 Februari 2013. Beliau dilantik sebagai Ketua Eksekutif KIAM pada 1 Mac 2013. Beliau adalah pemegang lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 dan berpengalaman di jabatan-jabatan lain di dalam syarikat.

Pengurus Dana Luaran Yang Dilantik Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Pelaburan Tabung ASK

KAF Investment Funds Berhad (KIFB) telah dilantik sebagai Pengurus Dana Luaran yang bertanggungjawab ke atas pengurusan pelaburan Tabung ASK. Sebagai Pengurus Dana, mereka bertanggungjawab ke atas pengurusan aset, pemilihan pelaburan dan pelaksanaan keputusan pelaburan. Mereka juga dikehendaki melaporkan secara harian kepada Pengurus mengenai butiran semua transaksi pelaburan bagi membolehkan Pengurus membuat pengiraan NAB Tabung ASK. Selain daripada itu, KIFB juga dikehendaki menyediakan laporan bulanan untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Pelaburan KIAM.

KIAM telah melantik KIFB sebagai Pengurus Dana Luaran bagi Tabung ASK berkuatkuasa 15 Mac 2018. KIFB menguruskan 100% pengurusan pelaburan Tabung ASK mengikut terma Perjanjian Pengurusan Pelaburan yang telah ditandatangani.

Bagi pengurusan pelaburan yang diberikan, KIFB mendapat yuran pengurusan pada kadar 0.30% daripada NAB Tabung ASK setahun. Yuran tersebut akan diakru secara harian pada setiap suku kalendar bagi tempoh tersebut termasuk hari terakhir suku kalendar itu.

Profil Korporat KIFB

KIFB adalah pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. KIFB menjadi anak syarikat milik KAF Seagroatt & Campbell Berhad, berkuatkuasa mulai pada 15 April 2013 melalui pengambilalihan kepentingan majoriti dalam Alliance Investment Management Berhad. Alliance Investment Management Berhad kemudiannya dinamakan sebagai KAF Investment Funds Berhad lantaran perubahan pemilihan tersebut.

KIFB telah mengumpulkan lebih daripada 22 tahun pengalaman dalam pengurusan dana dengan pelancaran KAF First Fund pada tahun 1996.

Kini, KIFB mempunyai 18 skim pelaburan kolektif dengan jumlah nilai aset melebihi RM2.6 bilion dalam rangkaian penawarannya yang meliputi pelbagai jenis dana dengan profil risiko yang berlainan. KIFB menawarkan skim pelaburan kolektif, samada dana berbentuk konvensional dan dana patuh Syariah. Di samping wakil jualan KIFB sendiri, dana-dana tersebut turut diedarkan oleh institusi penasihat unit amanah dan ejen-ejen berdaftar dengan KIFB. Melalui agensi ejen-ejen berdaftar yang merupakan salah satu saluran pengedaran alternatif, KIFB dapat memberikan perkhidmatan secara peribadi kepada para pelabur. KIFB turut berkerjasama dengan iFast Capital Sdn Bhd bagi menawarkan dana-dana dibawah pengurusannya secara dalam talian.

Pendakwaan Dan Pengadilan

Pada 31 Januari 2019, KIFB tidak terlibat dalam sebarang litigasi dan timbang tara yang signifikan, termasuk mana-mana yang ditangguh atau terancam, dan sebarang fakta yang mungkin membawa kepada tindakan undang-undang, yang mana mungkin boleh menjejaskan pemiagaan / kedudukan kewangan KIFB.

Pengurus Dana KIFB Yang Dilantik (“Designated Person”) Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Pelaburan Tabung ASK

Encik Pengiran Aizuddin berkelulusan Kepujian Kelas Pertama dalam Kewangan dari University of Western Australia, Australia. Beliau juga memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari universiti yang sama. Beliau menyertai KIFB pada 2016 sebagai penganalisis merangkap pengurus dana. Terdahulu, beliau merupakan Penganalisis Kewangan bahagian jual-beli di KAF Seagroatt & Campbell Securities Sdn Bhd dan Hwang DBS Vickers Research Sdn Bhd yang meliputi sektor pengangkutan, automotif dan penjagaan kesihatan. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Eksekutif Kewangan di salah sebuah anak syarikat milik Petronas Chemicals Group.

“Sila rujuk kepada laman web KIAM di www.kiam.com.my untuk maklumat lanjut berhubung KIAM, Jawatankuasa Pelaburan KIAM, Majlis Penyeliaan Syariah KIAM dan Pengurus Dana.”

Lebihan muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

5. PEMEGANG AMANAH ASK

5.1 PROFIL PEMEGANG AMANAH ASK

Pemegang Amanah adalah CIMB Islamic Trustee Berhad (No. Syarikat 167913-M), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia sejak 1988 dan didaftarkan sebagai sebuah syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949, dengan alamat berdaftar di Aras 13, Menara CIMB, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

5.2 PENGALAMAN DI DALAM PERNIAGAAN AMANAH

CIMB Islamic Trustee Berhad terlibat di dalam industri Dana Unit Amanah sejak tahun 1990 dan telah menjadi pemegang amanah kepada Dana Pelaburan Amanah Harta (REIT), Dana Unit Amanah, Dana Borong, Skim Persaraan Swasta dan Dana Dagangan Bursa.

5.3 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMEGANG AMANAH

Tugas-tugas dan tanggungjawab Pemegang Amanah adalah seperti berikut :-

- (i) Pemegang Amanah akan menjalankan segala urusan yang patut, dan berwaspada di dalam menjalankan tugas dan kewajibannya dengan menjaga hak dan kepentingan Pemegang Unit termasuk memastikan bahawa Pengurus dan / atau wakil syarikatnya akan menguruskan Amanah di bawah taklukan Suratikatan, Garis panduan, Akta SCM 1993 dan mana-mana tata amalan perniagaan yang dapat di terima dan berkesan ;
- (ii) Pemegang Amanah akan memastikan bahawa selama tempoh Amanah berkuatkuasa, sebuah Suratikatan yang berdaftar akan turut juga berkuatkuasa pada tempoh tersebut ;
- (iii) Pemegang Amanah akan memastikan bahawa sistem, prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus dalam mentadbir urusan pelaburan, akaun dan harta milik Amanah adalah mencukupi dan konsisten dengan Suratikatan, Garis panduan dan mana-mana undang-undang yang bertulis ; dan
- (iv) Pemegang Amanah akan menyerahkan apa-apa kenyataan, dokumen-dokumen, rekod-rekod dan apa-apa maklumat yang lain yang berhubung dengan Amanah dan perniagaan Pemegang Amanah kepada SCM apabila diminta oleh SCM dari masa ke semasa.

5.4 KENYATAAN TANGGUNGJAWAB PEMEGANG AMANAH

Pemegang Amanah sedia dan sanggup untuk bertindak selaku kedudukannya bersekali dengan kewajipan dan tanggungjawabnya di bawah Suratikatan, semua undang-undang bertulis yang berkaitan dan peraturan-peraturannya. Pemegang Amanah adalah bebas daripada Pengurus dari segi kewangan dan akan bertindak menjalankan transaksi berdasarkan terma yang terbaik untuk Tabung. Pemegang Amanah juga mempunyai proses tersendiri untuk memastikan tidak berlakunya percanggahan kepentingan dengan Pengurus.

5.5 PENDAKWAAN DAN PENGADILAN

Sehingga 31 Januari 2019, Pemegang Amanah tidak pernah dan belum terlibat di dalam mana-mana pendakwaan/pertuduhan atau pengadilan, sama ada yang masih tertangguh atau digugat olehnya dan mana-mana fakta yang mungkin menimbulkan atau seakan membawa sebarang tindakan undang-undang yang akan menjejaskan kedudukan kewangan/urusniaga Pemegang Amanah.

5.6 WAKIL PEMEGANG AMANAH

CIMB Islamic Trustee Berhad telah melantik CIMB Islamic Bank Berhad (CIMB Islamic Bank) sebagai kustodian kepada aset-aset dana. Syarikat induk muktamad CIMB Islamic Bank Berhad adalah CIMB Group Holdings Berhad iaitu sebuah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia.

CIMB Islamic Bank menyediakan perkhidmatan kustodian termasuk pemprosesan penyelesaian, penyimpanan selamat, perkhidmatan berkaitan korporat termasuk wang dan laporan keselamatan, pungutan hasil pendapatan dan pemprosesan acara-acara korporat, semua jenis aset pelaburan dan kelas, untuk rentas pelabur dan pelanggan perantara asas, dalam mahupun di luar negeri. Bagi semua aset Ringgit tempatan, ia akan diadakan melalui syarikat subsidiari milik penuh penama "CIMB Islamic Nominees (Tempatan) Sdn Bhd".

Bagi semua aset asing bukan Ringgit, CIMB Islamic Bank melantik kustodian global sebagai ejen bank untuk menyelesaikan dan penyimpanan dengan selamat bagi pihak dan dengan perintah.

Semua pelaburan adalah didaftarkan secara automatik atas nama Dana. CIMB Islamic Bank hanya akan bertindak atas arahan daripada Pemegang Amanah.

5.7 OBLIGASI PEMEGANG AMANAH

Obligasi Pemegang Amanah bagi wang yang dibayar oleh pelabur bagi permohonan unit bermula apabila wang yang diterima di dalam akaun yang berkenaan Pemegang Amanah bagi dana-dana dan obligasi Pemegang Amanah akan terlaksana dan selesai sebaik sahaja ia telah membayar amaun penebusan tersebut kepada Pengurus.

5.8 PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM

Pemegang Amanah mempunyai polisi dan prosedur tersedia merentangi Kumpulan CIMB, yang mungkin melebihi peraturan tempatan. Tertakluk kepada peraturan tempatan, Pemegang Amanah tidak bertanggungjawab ke atas kerugian yang timbul berikutan daripada pematuhan terhadap dasar tersebut, kecuali dalam kes kecuaihan ("negligence"), ketinggalan yang disengajakan ("wilful default") atau penipuan ("fraud") oleh Pemegang Amanah.

5.9 KENYATAAN PENAFIAN

Pemegang Amanah tidak boleh dipertanggungjawab untuk melakukan atau gagal melakukan sebarang tindakan untuk tujuan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan atau perintah-perintah mahkamah.

6. PERUNTUKAN PENTING DI DALAM SURATIKATAN ASK

6.1 PENGIKTIRAFAN SEBAGAI PEMEGANG UNIT

Pemegang Unit ialah seseorang yang namanya tercatat di dalam Daftar Pemegang Unit atau Sijil Pelaburan atau Penyata Pelaburan sebagai Pemegang Unit Berdaftar. Beliau berhak menikmati haknya dan adalah juga tertakluk serta terikat kepada peruntukan Suratikatan pada setiap masa ia menjadi Pemegang Unit.

6.2 HAK DAN HAD PEMEGANG UNIT

Sebagai Pemegang Unit ASK berdaftar, anda berhak :-

- (i) menerima pengagihan pendapatan Tabung (jika ada), turut serta dalam sebarang kenaikan harga unit dan apa-apa hak dan keistimewaan yang diperuntukkan di dalam Suratikatan ;
- (ii) memanggil Mesyuarat Pemegang-Pemegang Unit ASK dan mengundi untuk memecat Pemegang Amanah atau Pengurus melalui Resolusi Luar Biasa ;
- (iii) untuk melaksanakan Hak Tempoh Bertenang ;
- (iv) menerima Laporan Tahunan dan Laporan Pertengahan Tahun dan
- (v) lain-lain hak Pemegang Unit.

Walaupun begitu, Pemegang Unit tidak berhak untuk :-

- (i) memohon pindahmilik mana-mana aset Tabung ASK kepadanya atau menyoal tindakan Pemegang Amanah atau Pengurus bagi pihaknya di atas hak-hak Pemegang Amanah sebagai pemilik aset-aset ; dan
- (ii) menghadiri sebarang mesyuarat pemegang saham atau debentur di mana Tabung ASK melabur, atau mengundi di mesyuarat-mesyuarat tersebut atas alasan pegangan unitnya di dalam Tabung ASK.

6.3 TANGGUNGAN PEMEGANG UNIT

Pemegang Unit tidak dipertanggungjawab membuat bayaran tambahan membeli unit kecuali yuran atau caj yang ditetapkan dalam Prospektus ini dan Suratikatan.

Pemegang Unit juga tidak berkewajipan menggantikan Pemegang Amanah dan / atau Pengurus dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan Suratikatan sekiranya tanggungan yang kena bayar oleh Pemegang Amanah dan / atau Pengurus bagi pihak Tabung ASK melebihi nilai kasar aset Tabung ASK.

Mana-mana hak untuk menggantikan oleh Pemegang Amanah dan / atau Pengurus adalah terhad kepada Tabung ASK sahaja.

6.4 YURAN DAN CAJ

Suratikatan utama ASK ("principal deed") bertarikh 25 Ogos 1999 dan suratikatan tambahan ASK ("supplemental deed") bertarikh 27 Februari 2014 menyatakan peruntukan berhubung yuran dan caj seperti berikut :

(i) **Yuran Tahunan Pengurus**

Pengurus layak mendapat yuran pengurusan tidak melebihi 1.5% dari NAB Tabung dikira secara asas harian.

(ii) **Yuran Tahunan Pemegang Amanah**

Pemegang Amanah layak mendapat yuran tahunan sebanyak 0.07% dari NAB Tabung dikira secara harian dan dibayar setiap suku tahun.

(iii) **Caj Jualan**

Unit dijual pada harga yang dikira dengan menambah caj jualan tidak melebihi 10% kepada NAB harian seunit.

(iv) **Caj Belian Balik**

Unit akan dibeli balik pada harga yang dikira dengan menolak caj belian balik tidak melebihi 5 sen dari NAB harian seunit.

Sebarang peningkatan pada yuran-yuran dan / atau caj-caj yang melebihi apa yang dinyatakan di dalam prospektus, boleh dilakukan dengan syarat prospektus tambahan mengenainya diterbitkan dan tidak melanggar had maksima seperti yang dinyatakan di dalam Suratikatan ASK.

Sebarang peningkatan pada yuran-yuran dan / atau caj-caj yang melebihi had maksima seperti yang dinyatakan di dalam Suratikatan memerlukan kelulusan pemegang unit.

6.5 PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN

Perbelanjaan berkaitan secara langsung dengan Tabung ASK berikut adalah dibenarkan dipotong daripada aset Tabung, iaitu :-

- (i) semua yuran dan perbelanjaan Juruaudit ;
- (ii) yuran profesional dan perakaunan serta perbelanjaan yang diluluskan oleh Pemegang Amanah ASK ;
- (iii) kos mencetak dan mengedar kepada Pemegang Unit dokumen seperti akaun Tabung ASK, cukai, sijil, waran pengagihan pendapatan, notis mesyuarat Pemegang Unit, iklan akhbar mengikut keperluan Fasal 39 Suratikatan dan lain-lain kos berkaitan yang dilulus oleh Pemegang Amanah ;
- (iv) yuran penilaian bebas berkaitan Tabung ASK ;
- (v) duti dan cukai berkaitan Tabung ASK ;

- (vi) semua belanja berkaitan pendaftaran, insurans atau penyimpanan dokumen hak milik pelaburan Tabung ASK yang diuruskan oleh Pemegang Amanah dan
- (vii) lain-lain perbelanjaan Pemegang Amanah bagi urusan berkaitan Tabung ASK.

6.6 KEADAAN PENGURUS BOLEH BERSARA, DIPECAT ATAU DIGANTIKAN

Pengurus mempunyai kuasa untuk bersara dan digantikan dengan badan korporat lain yang diluluskan oleh undang-undang bertulis, di mana notis dua belas (12) bulan diberikan kepada Pemegang Amanah mengenai hasratnya berbuat demikian atau dalam tempoh yang lebih pendek sekiranya dipersetujui oleh kedua-dua pihak di atas dan tertakluk kepada syarat-syarat Suratikatan.

Pengurus juga boleh dipecat oleh Pemegang Amanah atas sebab-sebab berikut :

- (i) Pengurus akan dilikuidasikan (kecuali likuidasi secara sukarela bagi tujuan penggabungan atau penyusunan semula mengikut terma yang dipersetujui sebelumnya oleh Pemegang Amanah), atau telah tidak lagi meneruskan perniagaan atau telah menerima perantukan Penerima (Receiver) bagi mengambil alih aset-aset Pengurus ;
- (ii) Jika Resolusi Luarbiasa telah diluluskan oleh Pemegang-Pemegang Unit untuk memecat Pengurus ;
- (iii) Jika Pengurus telah mengabaikan kewajibannya di bawah Suratikatan, Akta SCM atau Garispanduan SCM dan
- (iv) Jika Pengurus gagal atau cuai dalam melaksanakan tugasnya mengikut kepuasan Pemegang Amanah dan Pemegang Amanah beranggapan mereka harus berbuat demikian untuk kepentingan Pemegang Unit dan setelah memberi notis dan alasannya kepada Pengurus serta berunding dengan SCM dan diluluskan oleh Pemegang-Pemegang Unit, maka Pemegang Amanah boleh berbuat demikian.

6.7 KEADAAN PEMEGANG AMANAH BOLEH BERSARA, DIPECAT ATAU DIGANTIKAN

Pemegang Amanah boleh bersara apabila mengemukakan hasratnya dengan memberi notis dua belas (12) bulan kepada Pengurus atau dalam tempoh yang lebih pendek dengan persetujuan Pengurus dan Pemegang Amanah, dan boleh melalui Suratikatan melantik Pemegang Amanah yang baru dengan kelulusan pihak berkuasa dan undang-undang yang berkenaan.

Pemegang Amanah boleh dipecat dan Pemegang Amanah yang lain boleh dilantik secara Resolusi Luar Biasa oleh Pemegang-Pemegang Unit di Mesyuarat Pemegang-Pemegang Unit, yang mana notis telah diberi kepada Pemegang Unit mengikut peruntukan Suratikatan.

Sebarang perubahan kawalan oleh Pemegang Amanah adalah tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan.

6.8 PENAMATAN TABUNG

Apabila Tabung ditamatkan, Pemegang Amanah akan menjalankan perkara-perkara berikut :-

- (i) Pemegang Amanah dengan seberapa segera selepas penamatan Tabung, memberi notis kepada setiap Pemegang Unit.
- (ii) Pemegang Amanah akan menjual segala pelaburan yang masih ada dan membayar balik dari Tabung apa-apa liabiliti yang dibuat oleh Tabung dan membayar dari Tabung semua liabiliti Tabung. Jualan, pembayaran balik dan bayaran akan dibuat dalam masa selepas penamatan Tabung sebagaimana yang difikir sesuai oleh Pemegang Amanah.
- (iii) Pemegang Amanah dari semasa ke semasa akan membahagikan kepada Pemegang Unit secara pro rata mengikut unit yang mereka pegang, semua wang tunai yang diperolehi dari hasil jualan pelaburan dan boleh diagihkan dan apa jua hasil tunai yang ada, dengan syarat Pemegang Amanah tidak terikat (melainkan dalam agihan terakhir) untuk mengagihkan segala wang yang ada ditangannya, jumlah yang tidak mencukupi untuk membayar Satu Ringgit Malaysia (RM1.00) bagi tiap-tiap satu unit. Pemegang Amanah juga berhak menyimpan wang yang ada ditangannya di bawah peruntukan Suratikatan, bagi membiayai segala perbelanjaan, bayaran cukai dan tuntutan yang akan dikenakan ke atas Pemegang Amanah di dalam tugas-tugasnya berhubung dengan penamatan Tabung dan wang-wang yang tersimpan, sebagai ganti rugi dan disimpan tanpa perlu membayar apa-apa tuntutan, pembayaran cukai dan sebagainya yang akan dituntut ke atasnya. Setiap agihan itu akan hanya dibuat apabila ada bukti yang menunjukkan bahawa seseorang itu adalah Pemegang Unit bagi unit berkenaan.

Tabung ASK tidak menerbitkan pelbagai kelas unit ("multiple classes of units"). Oleh itu tiada kepelbagaian keadaan, prosedur dan proses untuk penamatan Tabung ASK.

6.9 MESYUARAT PEMEGANG UNIT

- (i) Sama ada Pemegang Amanah atau Pengurus boleh mengadakan Mesyuarat Pemegang Unit ('MPU').
- (ii) Selaras dengan Fasal 39 Suratikatan, notis tidak kurang 14 hari hendaklah diberi sebelum sesuatu mesyuarat diadakan dengan menyatakan urusan yang hendak dijalankan.
- (iii) Di dalam sebarang keadaan tidak kurang daripada 21 hari setelah Pengurus menerima permohonan dari tidak kurang 50 atau 1/10 daripada jumlah Pemegang Unit, mana yang lebih rendah, maka Pengurus akan :-
 - (a) memberi notis tidak kurang 7 hari melalui surat kepada setiap Pemegang Unit sebelum MPU diadakan; dan
 - (b) memberi notis tidak kurang 14 hari melalui iklan akhbar.

untuk memanggil MPU dengan tujuan membentangkan penyata akaun dan kunci kira-kira yang telah dibentang di Mesyuarat Agung Tahunan Pengurus yang terakhir ataupun penyata

akaun diaudit Pemegang Amanah dengan tujuan memberi arahan yang dianggap perlu kepada Pemegang Amanah.

(iv) MPU hendaklah diadakan pada waktu dan tempat yang dinyatakan di dalam notis dan iklan tidak lewat daripada 2 bulan setelah notis dikeluarkan dan dipengerusikan oleh :-

- (a) sesiapa yang dilantik oleh Pemegang Unit yang hadir di mesyuarat berkenaan, atau
- (b) sekiranya perlantikan tidak dibuat, seorang penama bagi Pemegang Amanah atau jika tiada pencalonan, seseorang yang diluluskan oleh SCM.
- (c) Sekiranya Pengurus dilantik sebagai Pengerusi selain dari Pemegang Unit atau penama bagi Pemegang Amanah, maka beliau tidak akan mempunyai hak undi pemutus.

dan mesyuarat hendaklah bersidang mengikut peruntukan atau jika tiada peruntukan, mengikut sebagaimana yang diarah oleh Pengerusi Mesyuarat.

Lebih muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

7. KELULUSAN DAN SYARAT-SYARAT

7.1 PENUBUHAN TABUNG ASK

Tabung Amanah Saham Kedah (ASK) yang diurus oleh Kedah Islamic Asset Management Berhad (KIAM) telah dilancarkan pada 27 Februari 1995 setelah memperolehi kelulusan dari pihak SCM melalui surat bertarikh 24 Februari 1995.

Melalui kelulusan tersebut, beberapa syarat atau pengecualian telah ditetapkan :-

- (i) Saiz yang dibenarkan untuk Tabung ASK adalah sebanyak 200 juta unit.
- (ii) Tabung ASK dibenarkan untuk melanggan saham yang diperuntukkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau Kementerian Kewangan Malaysia sehingga 30% modal berbayar syarikat, tetapi tertakluk kepada had pegangan maksima sehingga 10% NAB Tabung.

(Fasal 21 Jadual-A Garispanduan Tabung Unit Amanah mensyaratkan pelaburan Tabung di dalam sekuriti boleh pindah selain debentur tidak boleh melebihi 10% sekuriti yang diterbitkan oleh penerbit tunggal tersebut).

- (iii) KIAM dibenarkan menjadi syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Kedah Berhad (PKB), dan bukannya institusi kewangan di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia.
- (iv) Tabung ASK dibenarkan mengguna kaedah harga silam (historic pricing) di dalam urusan jua beli unit.

Melalui surat pihak SCM bertarikh 3 Julai 1998, KIAM juga telah disyaratkan untuk mempunyai komposisi minima 40% Ahli Bebas di dalam Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pelaburan KIAM pada sepanjang masa, berbanding syarat minima 1/3 atau 33% Ahli Bebas seperti yang ditetapkan di bawah Fasal 3.06 dan 6.03 Garispanduan Tabung Unit Amanah. Ahli bebas tersebut hendaklah bebas sepenuhnya, tanpa sebarang hubungan politik mahupun hubungan dengan pemegang-pemegang saham KIAM.

Melalui surat pihak SCM bertarikh 23 Disember 2004, KIAM juga telah diberi pengecualian bersyarat daripada mematuhi Fasal 3.04(d) Garispanduan Tabung Unit Amanah [dahulunya dirujuk di bawah Fasal 4.02(5) Garispanduan Tabung Unit Amanah sepertimana yang dipinda melalui Nota Panduan 2], iaitu dibenarkan untuk mempunyai tahap minima dana pemegang saham sebanyak RM 5 juta pada sepanjang masa [berbanding RM 10 juta di bawah Fasal 3.04(d)], dengan syarat KIAM tidak melancarkan tabung unit amanah yang baru.

8. URUSNIAGA DENGAN PIHAK BERKAITAN / KONFLIK KEPENTINGAN

8.1 TRANSAKSI DENGAN PIHAK BERKAITAN

Pada 31 Januari 2019, Tabung ASK tidak membuat sebarang pelaburan di dalam sekuriti-sekuriti di mana Pengarah, Ahli Jawatankuasa Pelaburan atau anggota pekerja utama KIAM adalah pengarah syarikat atau syarikat induk sekuriti berkenaan.

8.2 POLISI MENGENAI KONFLIK KEPENTINGAN

Pengurus, Pemegang Amanah ASK dan mereka yang mewakili syarikat akan mengelakkan daripada berlakunya konflik kepentingan apabila menguruskan sebarang urusan Tabung ASK. Di dalam perkara yang melibatkan Ahli Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pelaburan atau pihak pengurusan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mereka yang terlibat adalah berkecuali dalam membuat keputusan berkaitan perkara berkenaan. Pemegang Amanah ASK juga mempunyai kuasa untuk bertindak bagi memastikan sebarang keputusan dibuat adalah semata-mata untuk kebaikan Tabung.

Di mana CIMB Islamic Trustee Berhad adalah Pemegang Amanah bagi Tabung, mungkin akan wujud urusan dengan pihak berkaitan melibatkan atau berkaitan dengan Tabung di dalam keadaan-keadaan berikut :-

- (i) di mana Tabung melabur di dalam instrumen yang ditawarkan oleh Kumpulan CIMB (i.e. instrumen pasaran wang, produk berstruktur dsb.)
- (ii) di mana unit-unit Tabung dipasarkan oleh Kumpulan CIMB sebagai Agen Institusi Unit Amanah (IUTA)
- (iii) di mana aset tabung adalah di bawah kustodi Kumpulan CIMB, kedua-duanya sebagai "sub-custodian" bagi Tabung (i.e. wakil kepada Pemegang Amanah) dan
- (iv) di mana Tabung mendapat pembiayaan dari Kumpulan CIMB seperti yang dibenarkan di bawah Garispanduan.

Pihak Pemegang Amanah ASK mempunyai polisi dan prosedur untuk menangani sebarang situasi konflik kepentingan yang timbul. Pihak Pemegang Amanah ASK tidak akan menggunakan kedudukannya sebagai pemilik aset-aset Tabung untuk mendapat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sebarang kepentingan atau menjelaskan kepentingan pemegang-pemegang unit.

Sebarang transaksi dengan pihak dimana Pemegang Amanah ASK mempunyai kepentingan hendaklah dilakukan atau terma-terma yang memberi manfaat kepada Tabung.

9. PERCUKAIAN KE ATAS TABUNG ASK

SURAT PENASIHAT CUKAI MENGENAI PERCUKAIAN KE ATAS AMANAH SAHAM INI DAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

(Untuk disertakan bersama prospektus)

Jamal, Amin Tax Services Sdn. Bhd.
No. 22D, Tingkat 1 & 2
Jalan Teluk Wanjah
05200 Alor Setar
Kedah Darul Aman

15 Mac 2019

Lembaga Pengarah
Kedah Islamic Asset Management Berhad
No. 178-180 Lebuhraya Sultanah Bahiyah
05350 Alor Star
Kedah Darul Aman

Tuan

PERCUKAIAN AMANAH SAHAM DAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

Surat ini telah disediakan untuk disertakan bersama Prospektus ini yang akan bertarikh 31 Mac 2019, berhubung dengan tawaran unit-unit dalam amanah saham ini yang dikenali sebagai Amanah Saham Kedah (selepas ini disebut sebagai "Dana").

Tujuan surat ini ialah untuk memberi gambaran secara am kepada bakal pemegang-pemegang unit mengenai kesan percukaian Dana ini dan pemegang-pemegang unit.

Percukaian Dana

Percukaian Dana ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 ("ACP"), khususnya, Seksyen-seksyen 61 (Amanah secara am) dan 63B (Potongan khas bagi perbelanjaan) Akta tersebut.

Dana-dana ini dianggap sebagai pemastautin bagi tujuan percukaian Malaysia kerana Pemegang Amanah Dana adalah pemastautin di Malaysia di bawah Seksyen 63(1) Akta tersebut.

Di bawah Seksyen 2(7) ACP, sebarang rujukan kepada "faedah" juga merangkumi secara mutatis mutandis, laba atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang dibuat, sebagai ganti faedah, dalam transaksi-transaksi yang dijalankan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

Ini bermakna, sebarang laba atau keuntungan yang diterima (selepas ini disebut sebagai "laba") dan perbelanjaan yang dilakukan, sebagai ganti faedah, dalam transaksi-transaksi yang dijalankan mengikut prinsip-prinsip Syariah akan diberi perlakuan cukai yang sama sepertimana yang diberikan kepada faedah.

Tertakluk kepada pengecualian tertentu, pendapatan yang diterima oleh Dana yang terdiri daripada pendapatan laba dan pendapatan pelaburan lain, yang diperolehi atau terakru di Malaysia setelah ditolak perbelanjaan yang layak diberi potongan cukai, adalah tertakluk kepada cukai pendapatan di Malaysia pada kadar 24%¹.

¹ Dalam pengumuman Bajet 2019, telah dibentangkan di Parlimen pada 2 November 2018, telah dicadangkan kadar cukai sebanyak 24% berkuatkuasa Tahun Taksiran 2019.

Perbelanjaan yang layak diberi potongan cukai adalah merangkumi perbelanjaan di bawah Seksyen 33(1) dan Seksyen 63B ACP. Seksyen 33(1) adalah peruntukan am yang membenarkan potongan cukai ke atas perbelanjaan-perbelanjaan yang dilakukan keseluruhannya dan semata-matanya untuk penghasilan pendapatan kasar daripada sumber yang berkenaan. Seksyen 63B pula membenarkan amanah saham mendapat potongan ke atas sebahagian daripada perbelanjaan-perbelanjaan lain (dirujuk sebagai "perbelanjaan yang dibenarkan") yang tidak berkait secara langsung kepada penghasilan pendapatan, seperti yang dijelaskan di bawah.

"Perbelanjaan yang dibenarkan" merujuk kepada perbelanjaan-perbelanjaan berikut yang dilakukan oleh Dana yang tidak layak mendapat potongan di bawah peruntukan Seksyen 33(1), ACP :

- Ganjaran pengurus
- Pengendalian daftar pemegang-pemegang unit
- Perbelanjaan pendaftaran saham
- fee-fee sekretarial, audit dan perakaunan, caj telefon, kos percetakan dan alat tulis dan bayaran pos.

Perbelanjaan-perbelanjaan yang dibenarkan ini diberi potongan di bawah peruntukan Seksyen 63B ACP mengikut formula berikut :

$$A \times \frac{B}{4C}$$

- di mana
- A adalah jumlah perbelanjaan yang dibenarkan dilakukan bagi tempoh asas itu;
 - B adalah pendapatan kasar yang terdiri daripada dividen², faedah dan sewa yang boleh dikenakan cukai bagi tempoh asas itu ; dan
 - C ialah agregat pendapatan kasar yang terdiri daripada dividen² dan faedah (sama ada dividen atau faedah tersebut dikecualikan daripada cukai atau tidak) sewa, dan keuntungan yang diperolehi daripada realisasi pelaburan-pelaburan (sama ada boleh dikenakan cukai atau tidak) bagi tempoh asas itu.

dengan syarat bahawa jumlah potongan yang dibuat tidak boleh kurang daripada 10% dan tertakluk kepada maksimum 25% daripada jumlah perbelanjaan yang dibenarkan yang dilakukan bagi tempoh asas itu.

Pendapatan yang dikecualikan

Pendapatan-pendapatan berikut yang diterima oleh Dana adalah dikecualikan cukai:

- **Dividen berpunca daripada sumber di Malaysia**

Berkuatkuasa pada 1 Januari 2008, Malaysia telah memperkenalkan sistem satu peringkat di mana dividen yang dibayar oleh syarikat tidak dikenakan cukai ke atas penerima.

Dividen yang dikecualikan cukai yang diterima daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat yang pernah atau masih menikmati galakan cukai tertentu yang diberikan di bawah undang-undang berkaitan. Dividen yang dibayar, dikredit, atau diagih kepada pemegang saham di mana syarikat yang membuat pembayaran tersebut tidak layak menolak cukai daripada dividen di bawah Seksyen 108 ACP (juga dikenali sebagai dividen satu peringkat).

² Menurut Seksyen 15, Akta Kewangan 2011 yang berkuatkuasa dari Tahun Taksiran 2011, pendapatan dividen disifatkan termasuk pendapatan yang diagihkan dari amanah saham termasuk agihan daripada amanah saham harta tanah ("Real Estate Investment Trusts").

Faedah (laba) berpunca daripada sumber di Malaysia

- (i) Faedah daripada sekuriti / bon yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia; (subperenggan 35 (a) Jadual 6 ACP 1967);
- (ii) Faedah daripada apa-apa sijil simpanan yang dikeluarkan oleh Kerajaan: (perenggan 19 Jadual 6 ACP 1967)
- (iii) Faedah daripada Bon Simpanan Malaysia yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia (subperenggan 35 (d) Jadual 6 ACP 1967)
- (iv) Faedah yang diperolehi daripada Malaysia yang dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana bank atau institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 atau Akta Bank Islam 1983^{3,4} (perenggan 35 A Jadual 6 ACP 1967)
- (v) Faedah daripada sekuriti Islam yang berasal dari Malaysia, selain daripada stok pinjaman yang boleh ditukar, yang diterbitkan dalam sebarang matawang selain daripada Ringgit Malaysia dan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti (subperenggan 35 (b) Jadual 6 ACP 1967) atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA)⁵;
- (vi) Faedah yang diterima daripada bon atau sekuriti yang diterbitkan oleh Pengurusan Danaharta Nasional Berhad; (Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.5) 2001 [PU (A) 220/2001]) dan
- (vii) Faedah yang diperolehi daripada bon (selain daripada stok pinjaman yang boleh ditukar) yang dibayar atau dikreditkan oleh man na-mana syarikat yang disenaraikan di Malaysian Exchange of Securities Dealing and Automated Quotation Berhad ("MESDAQ")⁶.

Diskaun

Pengecualian cukai akan diberikan ke atas diskaun yang dibayar atau dikredit kepada mana-mana amanah saham berhubungan dengan pelaburan-pelaburan yang disebutkan dalam butiran (i), (ii) dan (iii) di atas.

Pendapatan sumber asing

Dividen, laba serta lain-lain pendapatan yang berpunca daripada sumber-sumber di luar Malaysia dan diterima di Malaysia oleh amanah saham yang bermastautin di Malaysia dikecualikan daripada cukai pendapatan di Malaysia (perenggan 28 Jadual 6 ACP 1967). Walau bagaimanapun, pendapatan tersebut mungkin tertakluk kepada percukaian di negara dari mana ianya diperolehi.

³ Berkuatkuasa dari 30 Jun 2013, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983 telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 masing-masing. Menurut Seksyen 272(h) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Seksyen 283(h) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, apa-apa rujukan kepada Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983, secara umumnya, hendaklah diertikan sebagai suatu rujukan kepada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 masing-masing.

- 4 Berkuatkuasa dari Tahun Taksiran 2017, faedah yang diperolehi daripada Malaysia yang dibayar atau dikreditkan oleh satu syarikat kepada satu syarikat yang lain di dalam satu kumpulan, bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan institusi pembangunan kewangan yang diterangkan di bawah Akta Institusi Pembangunan Kewangan 2002 tidak termasuk di dalam pendapatan yang dikecualikan cukai.
- 5 Menurut Seksyen 4 Akta Kewangan 2011 yang berkuatkuasa dari 11 Februari 2011, "LOFSA" merujuk kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA).
- 6 Berkuatkuasa dari 3 Ogos 2009, MESDAQ telah digantikan oleh FTSE Bursa Malaysia ACE. Oleh itu, sebarang faedah yang diperolehi daripada bon (selain daripada stok pinjaman yang boleh ditukar) yang dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana syarikat yang disenaraikan di MESDAQ masih layak untuk pengecualian cukai sehingga 2 Ogos 2009. Walau bagaimanapun, dari 3 Ogos 2009 dan sehingga tarikh surat ini, belum lagi ada Warta Kerajaan yang baru yang dikeluarkan untuk mengecualikan faedah yang diperolehi dari bon yang dibayar atau dikreditkan oleh syarikat yang disenaraikan di FTSE Bursa Malaysia ACE.

Keuntungan daripada realisasi pelaburan-pelaburan

Menurut Seksyen 61(l)(b) ACP, keuntungan daripada realisasi pelaburan-pelaburan tidak dianggap sebagai pendapatan Dana dan justeru itu tidak dikenakan cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, keuntungan daripada realisasi pelaburan-pelaburan ini mungkin dikenakan cukai keuntungan harta tanah di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 ("Akta CKHT"), sekiranya keuntungan tersebut diterima daripada jualan aset-aset yang boleh dikenakan cukai, sepertimana yang diperuntukkan di dalam Akta CKHT.

Berkuatkuasa dari 1 Januari 2014, apa-apa keuntungan daripada pelupusan hartanah ("aset yang boleh dikenakan cukai") atau saham dalam syarikat hartanah "aset yang boleh dikenakan cukai" akan tertakluk kepada cukai keuntungan harta tanah. Menurut Bahagian II Jadual 5 Akta Keuntungan Harta Tanah 1976, kadar cukai CKHT adalah seperti berikut:

Masa Pelupusan	KADAR CKHT		
	Individu	Syarikat	Bukan Warganegara⁷
Dalam masa 3 tahun	30%	30%	30%
Pada tahun ke - 4	20%	20%	30%
Pada tahun ke - 5	15%	15%	30%
Pada tahun ke - 6 dan seterusnya ⁸	5%	10%	10%

Amanah Pelaburan Hartanah ("REIT")

Menurut Seksyen 61A Akta Cukai Pendapatan 1967, jumlah pendapatan dari unit amanah bagi satu tahun taksiran akan dikecualikan daripada cukai jika sembilan puluh peratus (90%) atau lebih daripada jumlah pendapatan tersebut diagihkan kepada pemegang unit⁹.

Cukai pegangan ("WHT")

Cukai Pegangan ialah satu amaun yang dipegang oleh pembayar terhadap pendapatan yang diterima oleh penerima bukan pemastautin (individu/badan selain individu) dan dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Akta Cukai Pendapatan, 1967 memperuntukkan bahawa apabila seseorang (merujuk sebagai "pembayar") layak membuat bayaran berjenis seperti disenaraikan di bawah ini (kecuali bayaran kepada seniman kembara tidak bermastautin) kepada seorang tidak bermastautin (penerima Tidak Bermastautin), beliau hendaklah memotong cukai pegangan dengan kadar tertentu daripada bayaran itu dan (sama ada atau tiada cukai dipotong) membayar cukai itu kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dalam tempoh satu bulan selepas bayaran itu dibayar atau dikreditkan kepada penerima Tidak Bermastautin.

- ⁷ Berkuatkuasa dari 1 Januari 2018, wasi bagi harta pusaka si mati yang bukan warganegara dan bukan juga pemastautin tetap dikategorikan sebagai pelupusan oleh bukan warganegara dan dikenakan cukai di bawah Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT).
- ⁸ Berkuatkuasa dari 1 Januari 2019, kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT) dikenakan kenaikan cukai untuk individu, syarikat dan bukan warganegara.
- ⁹ Berkuatkuasa dari Tahun Taksiran 2017, hanya syarikat disenaraikan awam sahaja yang dikecualikan cukai di bawah seksyen 61A Akta Cukai Pendapatan 1967.

Jenis Bayaran Tertakluk Kepada Cukai Pegangan dan Kadar Cukai Pegangan Ke Atas Penerima Tidak Bermastautin :

Jenis Bayaran	Kadar Cukai Pegangan
Bayaran Kontrak	10%, 3%
Faedah	15%
Royalti	10%
Pendapatan tertentu kelas khas : Bayaran teknikal, Bayaran perkhidmatan, Sewa / bayaran untuk menggunakan harta boleh alih	10%
Faedah (kecuali faedah yang dikecualikan) dibayar oleh institusi kewangan yang diluluskan	5%
Pendapatan seniman kembang tidak bermastautin	15%
Pelaburan Amanah Hartanah (REIT)	
(i) Selain daripada syarikat pemastautin	10%
(ii) Syarikat bukan pemastautin	24%
(iii) Pelabur institusi asing berkuatkuasa mulai 01/01/2007	10%
Dana Keluarga/Dana Takaful Keluarga/Dana Am	
(i) individu dan lain-lain	8%
(ii) syarikat tidak bermastautin	25%
Pendapatan di bawah seksyen 4(f) ACP 1967	10%

Cukai jualan dan perkhidmatan ("CJP")

Cukai baru yang diperkenalkan melalui pengumuman Perdana Menteri pada 30 Mei 2018 iaitu Cukai Jualan dan Perkhidmatan (CJP) telah dilaksanakan pada 1 September 2018.

Dalam tempoh peralihan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (CJP), kadar CBP telah dikurangkan dari 6% ke 0% berkuatkuasa pada 1 Jun 2018 sehingga 31 Ogos 2018.

Cukai Jualan berkadar 10% (kadar secara umum) atau 5% adalah dikenakan ke atas barang-barang yang dikenakan cukai yang dikeluarkan di Malaysia oleh orang yang dikenakan cukai dan dijual, digunakan atau dilupuskan olehnya dan juga barang-barang yang dikenakan cukai yang diimport ke Malaysia, melainkan dikecualikan secara khusus di bawah Akta Cukai Jualan 2018 (Barangan yang dikecualikan dari Cukai).

Cukai Perkhidmatan tertakluk kepada perkhidmatan yang dikenakan cukai, disediakan di Malaysia dan oleh orang yang mendaftar untuk menjalankan perniagaannya. Kadar cukai perkhidmatan di Malaysia adalah tetap sebanyak 6%. Kadar spesifik dikenakan ke atas pengeluaran atau tambahan kad kredit atau perkhidmatan caj kad.

Berdasarkan Akta Cukai Perkhidmatan 2018, badan amanah tidak diklasifikasikan sebagai individu yang dikenakan cukai. Malah tidak juga diklasifikasikan sebagai individu yang menawarkan perkhidmatan percukaian dan individu berkenaan tidak bertanggungjawab untuk mendaftar CJP.

Dana yang melibatkan perbelanjaan seperti yuran pengurusan dan perkhidmatan pengurusan yang disediakan oleh pengurus dana dan aset adalah tidak tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan. Lain-lain yuran seperti yuran pemegang amanah dan lain-lain caj pentadbiran adalah tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan dengan kadar 6% (tertakluk kepada individu yang layak dikenakan cukai dengan pendapatan cukai berjumlah RM500,000 setahun).

Percukaian pemegang-pemegang unit

Untuk tujuan cukai pendapatan Malaysia, pemegang-pemegang unit akan ditaksir ke atas pengagihan yang diterima daripada Dana.

Secara amnya, pendapatan pemegang-pemegang unit terdiri daripada kategori seperti berikut

1. Pengagihan yang boleh dikenakan cukai; dan
2. Pengagihan yang tidak dikenakan cukai dan yang dikecualikan daripada cukai.
3. Pendapatan yang tidak diagihkan.

Juga, pemegang-pemegang unit mungkin memperoleh keuntungan daripada penjualan unit-unit Dana.

Implikasi percukaian terhadap setiap kategori pendapatan yang tersebut di atas dijelaskan di bawah.

1. Pengagihan yang boleh dikenakan cukai

Pengagihan yang diterima daripada Dana perlu dikasarkan ("grossed up") untuk mengambilkira cukai yang dikenakan ke atas Dana ("the underlying tax paid by the Fund"). Seterusnya, pemegang unit akan dikenakan cukai ke atas amaun yang telah dikasarkan.

Kredit cukai (tax credit) dari pengagihan tersebut boleh digunakan untuk mengurangkan cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh pemegang unit. Jika kredit cukai melebihi tanggungan cukai pemegang unit, lebihan tersebut akan dibayar balik kepada pemegang unit.

Sila rujuk kepada perenggan di bawah untuk kadar cukai yang ditetapkan.

2. Pengagihan yang tidak dikenakan cukai dan yang dikecualikan cukai

Pemegang-pemegang unit tidak akan dikenakan cukai pendapatan di Malaysia ke atas pengagihan yang dibuat daripada keuntungan realisasi pelaburan-pelaburan dan pendapatan yang dikecualikan cukai yang diperolehi oleh Dana. Pengagihan pendapatan asing juga akan dikecualikan ke atas pemegang unit.

Jenis-jenis pendapatan dikecualikan cukai ke atas pemegang unit adalah seperti berikut :-

- a) Sebahagian pendapatan faedah dan pendapatan daripada sumber asing adalah dikecualikan cukai di peringkat unit amanah. Pemegang unit yang menerima pengagihan pendapatan yang dikecualikan cukai tersebut tidak tertakluk kepada cukai pendapatan.
- b) Pelupusan pelaburan oleh Dana unit amanah tidak tertakluk kepada cukai. Agihan keuntungan daripada pelupusan itu dikecualikan cukai ke atas pemegang-pemegang unit.
- c) Sebarang keuntungan yang diperolehi oleh pemegang unit atas penjualan, pemindahan atau penebusan unit amanah adalah dianggap sebagai keuntungan modal dan tidak tertakluk kepada cukai

pendapatan kecuali syarikat-syarikat insuran, institusi-institusi kewangan atau pemegang unit yang terbit di dalam pemiagaan saham atau sekuriti.

d) Terbitan bonus unit yang sama ada :-

- * Mewakili sebahagian daripada pelaburan sedia ada pemegang unit kepada nombor unit-unit yang lebih besar, atau
- * Pengagihan keuntungan tidak nyata sebagai unit-unit tambahan.

Walau bagaimanapun, jika terbitan bonus bagi unit-unit mewakili pengagihan pendapatan diperolehi daripada pelaburan unit amanah, unit-unit ini akan tertakluk kepada cukai.

e) Pemegang unit yang memilih untuk menerima agihan pendapatan mereka melalui pelaburan dalam bentuk pembelian unit baru akan dianggap sebagai telah membeli unit baru daripada pengagihan pendapatan selepas cukai. Pecahan unit yang dikeluarkan oleh Dana tidak dikenakan cukai ke atas pemegang unit.

3. Pendapatan yang tidak diagihkan

Pemegang unit tidak dikenakan cukai ke atas pendapatan atau keuntungan dana yang tidak diagihkan.

Pemfailan borang cukai pendapatan

Pemegang unit perlu mengisytiharkan pengagihan boleh cukai mereka daripada unit amanah bersama-sama dengan pendapatan dari sumber-sumber lain dalam borang cukai pendapatan berkaitan mereka.

Kadar-kadar cukai

Cukai Malaysia yang dikenakan ke atas pemegang-pemegang unit adalah bergantung kepada taraf bermastautin cukai serta sama ada pemegang-pemegang unit adalah seorang individu, badan korporat atau badan amanah. Kadar cukai yang dikenakan adalah seperti berikut :

Pemegang unit	Kadar cukai di Malaysia
Pemastautin di Malaysia : • Individu dan badan-badan bukan korporat (seperti koperasi, pertubuhan dan persatuan) • Koperasi⁹ • Badan amanah	• Kadar cukai secara progresif, iaitu dari 0% kepada 28%¹⁰ • Kadar cukai secara progresif, iaitu dari 0% kepada 24% • 24%¹
• Pemegang unit korporat: (i) Syarikat dengan modal berbayar yang terdiri dari saham biasa tidak melebihi RM2.5 juta (pada permulaan tempoh asas tahun taksiran)¹¹ (ii) Syarikat selain dari perenggan (i) di atas	• Bagi pendapatan bercukai RM500,000 yang pertama @ 17%¹¹ • Pendapatan bercukai yang melebihi RM500,000 @ 24%¹ • 24%¹

Bukan pemastautin di Malaysia:	
• Individu dan badan-badan bukan korporat • Pemegang unit korporat dan badan amanah	• 28% • 24%¹

- ⁹ Menurut Perenggan 12(1), Jadual 6 ACP, pendapatan mana-mana koperasi-
- berkenaan dengan tempoh selama lima tahun bermula daripada tarikh pendaftaran koperasi tersebut; dan
 - selepas tempoh lima tahun tersebut, jika wang ahli koperasi tersebut (mengikut definisi yang diberi di dalam Perenggan 12(2)) pada hari pertama tempoh asas bagi tahun taksiran itu kurang daripada tujuh ratus lima puluh ribu ringgit

adalah dikecualikan daripada cukai.

- ¹⁰ Dalam pengumuman Bajet 2018, telah dicadangkan bahawa kadar cukai pendapatan bagi individu bermastautin dengan pendapatan bercukai berjumlah di antara RM20,001 hingga RM70,000 dikurangkan sebanyak 2% iaitu dari 5% kepada 3%, 10% kepada 8% dan 16% kepada 14%. Pengurangan kadar cukai kekal sehingga tahun taksiran 2019.
- ¹¹ Sesebuah syarikat tidak layak untuk kadar cukai 17% bagi pendapatan bercukai RM500,000 pertama jika:-
- lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa syarikat tersebut dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitan yang mempunyai modal berbayar bagi saham biasa melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas sesebuah tahun taksiran;
 - syarikat tersebut memiliki secara langsung atau tidak langsung lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa syarikat yang berkaitan yang mempunyai modal berbayar bagi saham biasa melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas sesebuah tahun taksiran;
 - lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa syarikat tersebut dan syarikat berkaitan yang mempunyai modal berbayar bagi saham biasa melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas sesebuah tahun taksiran dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat lain.
- berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2019.

Had untuk Kerugian Bawa Ke Hadapan dan Elaun Modal

Jenis	Cara
Kerugian Bawa Ke Hadapan	Kerugian perniagaan yang tidak diserap / Elaun Modal hanya boleh di bawa ke hadapan untuk 7 tahun berturut-turut dan jumlah selebihnya tidak akan dikira. ¹²
Elaun Modal	

¹² Berkuatkuasa dari Tahun Taksiran 2019.

Nota :

Pemegang-pemegang unit bukan pemastautin mungkin dikenakan cukai di negara masing-masing. Layanan cukai ini tertakluk kepada peruntukan perundangan cukai di negara mereka setelah mengambil kira mana-mana perjanjian cukai dua kali dengan Malaysia yang sedia ada.

Dengan ini, kami mengesahkan bahawa pada tarikh surat ini segala kenyataan yang dibuat di dalam laporan ini menepati pemahaman kami mengenai kedudukan cukai di bawah perundangan cukai Malaysia termasuk penafsiran dan amalan yang berkaitan, di mana ke semuanya ini tertakluk kepada pindaan yang mungkin berkuatkuasa secara retrospektif. Kami tidak dilantik seterusnya atau bertanggungjawab untuk mengawasi atau mengemaskini kenyataan-kenyataan dalam surat ini untuk keadaan masa hadapan yang mungkin ada kesan terhadap kenyataan-kenyataan tersebut.

Kenyataan-kenyataan yang dibuat di dalam surat ini tidak bertujuan sebagai suatu analisa lengkap mengenai kesan cukai ke atas pelabur dalam Dana ini. Memandangkan situasi setiap pelabur mungkin berbeza, kami mengesyorkan agar para pelabur mendapatkan nasihat bebas ("independent advice") berkenaan dengan isu-isu percukaian yang berkaitan dengan pelaburan di dalam Dana ini.

Yang benar

JAMAL, AMIN TAX SERVICES SDN. BHD.

AMINUDDIN BIN YAHAYA

Pengarah

Jamal, Amin Tax Services Sdn. Bhd. telah memberi persetujuan untuk menyertakan Surat Penasihat Cukai di dalam konteks dan bentuk ianya disiarkan dalam Prospektus ini dan tidak menarik balik kebenaran tersebut sebelum tarikh Prospektus ini diterbitkan.

10. MAKLUMAT TAMBAHAN

10.1 MAKLUMAT BERHUBUNG PERKEMBANGAN TABUNG ASK DAN HARGA UNIT HARIAN

Pelabur boleh memperoleh maklumat perkembangan Tabung ASK melalui Laporan Tahunan dan Laporan Pertengahan Tahun serta risalah yang diedarkan. Laporan Tahunan dikeluarkan dalam tempoh dua bulan selepas berakhir tahun kewangan Tabung ASK pada 28/29 Februari setiap tahun, manakala Laporan Setengah Tahun (Interim) dikeluarkan dalam tempoh dua bulan selepas pertengahan tempoh perakaunan pada 31 Ogos setiap tahun.

“Laporan Tahunan Tabung ASK boleh diperolehi atas permintaan.”

Di samping itu, pelabur juga boleh mendapat maklumat tentang harga semasa unit dan / atau NAB seunit Tabung ASK melalui internet dengan melayari halaman web Pengurus di alamat <http://www.kiam.com.my>. Pelabur juga boleh datang ke kaunter KIAM atau menghubungi talian 04-7300323 untuk mendapatkan maklumat tersebut.

10.2 KHIDMAT NASIHAT / ADUAN PELANGGAN

Pengurus mengalu-alukan sebarang pertanyaan atau permohonan khidmat nasihat dari bakal pelabur atau pelabur sedia ada. Pengurus juga mengambil berat terhadap sebarang aduan dari pelabur dan kami beriltizam memberi perkhidmatan terbaik dalam mengendalikan sebarang urusan yang melibatkan ASK.

Oleh yang demikian, sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, khidmat nasihat dan aduan, anda boleh datang ke kaunter KIAM atau menghubungi Pegawai Khidmat Pelanggan di talian 04-7300323. Anda juga boleh mengirim surat atau e-mel ke ask@kiam.com.my.

Bagi aduan yang memerlukan perhatian lebih lanjut, pelabur boleh menyampaikan aduan secara bertulis kepada Ketua Jabatan Audit, Pematuhan dan Pengurusan Risiko KIAM, sama ada melalui surat atau mel elektronik ke alamat e-mel : akmar@kiam.com.my.

10.3 SENARAI PENERBITAN SURATIKATAN TABUNG ASK

SURATIKATAN TABUNG ASK	
Senarai Penerbitan	Tarikh
Suratikatan Tambahan ASK (Supplemental Deed)	27 Februari 2014
Suratikatan Utama ASK Keempat (Fourth Amended Trust Deed)	25 Ogos 1999
Suratikatan Tambahan ASK Ketiga (Third Supplementary Trust Deed)	1 Mac 1999
Suratikatan Tambahan ASK Kedua (Second Supplementary Trust Deed)	29 Februari 1996
Suratikatan Tambahan ASK Pertama (First Supplementary Trust Deed)	14 Ogos 1995
Suratikatan Utama ASK (Trust Deed)	24 Februari 1995

11. DOKUMEN-DOKUMEN UNTUK PEMERIKSAAN

Bagi tempoh sekurang-nya 12 bulan dari tarikh penerbitan prospektus, salinan dokumen berikut boleh disemak di pejabat berdaftar Pengurus ASK atau tempat lain yang ditentukan oleh SCM.

Pejabat Pengurus

- (i) Suratikatan dan Suratikatan Tambahan ASK ;
- (ii) Prospektus dan prospektus tambahan terkini atau prospektus yang diganti, jika ada;
- (iii) Laporan tahunan dan interim terkini Tabung ASK;
- (iv) Kontrak material atau memorandum yang dirujuk di dalam Prospektus ;
- (v) Akaun beraudit KIAM dan Tabung ASK bagi tahun kewangan terkini dan bagi 3 tahun kewangan yang lepas ;
- (vi) Laporan-laporan, surat atau lain-lain dokumen, penilaian dan kenyataan oleh pakar, mana-mana bahagiannya yang digunakan dan dirujuk di dalam prospektus ;
- (vii) Writ dan kertas kerja sebab yang berkaitan untuk semua litigasi yang material dan timbang tara yang dinyatakan dalam prospektus ; dan
- (viii) Kenyataan keizinan oleh pakar atau individu / firma / syarikat yang dinamakan di dalam Prospektus.

Lebih muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

12. BORANG PELABURAN

Borang Pra-Pelaburan

PERHATIAN KEPADA PELABUR UNIT AMANAH

Perunding Unit Amanah (UTC) anda perlu menerangkan semua perkara di bawah kepada anda. Menandatangani borang ini tidak menghalang anda daripada mengambil tindakan terhadap pihak yang berkenaan dalam apa keadaan sekali pun.

Adakah Anda Tahu?

Ya(✓) / Tidak (x)

- 1) Anda boleh membeli unit amanah sama ada melalui seorang Perunding Unit Amanah (UTC), Perunding Institusi Unit Amanah (IUTA), Perunding Korporat Unit Amanah (CUTA) atau secara terus daripada Syarikat Pengurusan Unit Amanah (UTMC) atau secara dalam talian, namun setiap saluran tersebut mempunyai caj perkhidmatan yang berbeza dan tahap servis yang berlainan. Pilihlah yang mana paling sesuai untuk keperluan anda. ☐
- 2) Jika anda menebus unit anda dalam satu tabung unit amanah dan kemudian membeli unit amanah daripada tabung lain, anda mungkin terpaksa membayar caj jualan. Bagaimanapun, jika anda menukar satu tabung kepada tabung yang lain yang diuruskan oleh UTMC yang sama, berkemungkinan anda tidak perlu membayar sebarang caj jualan. Tanya dulu mengenai penukaran tabung sebelum anda melakukannya. ☐
- 3) Tabung unit amanah yang berbeza jenisnya membawa tahap risiko yang berbeza. Sebahagiannya mempunyai risiko lebih tinggi berbanding yang lain. Tanyakan mengenai risiko sebelum melabur dalam sesuatu tabung. Pastikan anda tahu apakah pelaburan yang disertai oleh tabung unit amanah anda. ☐
- 4) Sekiranya anda adalah pelabur kali pertama dengan UTMC, anda mungkin layak untuk hak tempoh bertenang, dimana anda boleh menukar fikiran dalam masa enam (6) hari bekerja selepas membuat pelaburan dan menarik balik pelaburan anda dalam tabung unit amanah tersebut. Tanyakan mengenai kelayakan anda bagi tempoh bertenang. ☐
- 5) UTC anda mungkin mewakili sebuah syarikat yang menggunakan sistem nomini dan hak anda sebagai pemegang unit mungkin terhad sekiranya anda melabur dalam tabung unit amanah melaluinya. Jika syarikat UTC ini menggunakan sistem nomini, tanyakan sama ada hak anda sebagai pemegang unit akan terhad dalam apa cara sekali pun. ☐

Anda Juga Perlu Tahu

- a) Hanya UTC yang berdaftar sahaja dibenarkan menjual tabung unit amanah. UTC anda perlu menunjukkan kad pemberian kuasa yang sah bagi mengesahkan yang dia berdaftar dengan Persekutuan Pengurus-pengurus Pelaburan Malaysia (Federation of Investment Managers Malaysia) (FIMM).
- b) Tabung unit amanah hanya boleh ditawarkan kepada orang ramai jika diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SCM). Layari laman web www.scm.com.my bagi mendapatkan senarai tabung unit amanah yang ada di pasaran pada masa ini atau hubungi 603-6204 8777 untuk maklumat lanjut.
- c) Apabila membeli tabung unit amanah, anda sepatutnya diberikan senaskah prospektus terkini secara percuma. Baca prospektus itu dengan teliti; fahami kandungannya sebelum melabur.
- d) Anda mungkin perlu membayar fi secara langsung atau tidak langsung dan berkemungkinan dikenakan bayaran lain juga. Tanyakan mengenai bayaran-bayaran berkaitan.
- e) Sekiranya anda mempunyai kemusykilan atau aduan mengenai mana-mana tabung unit amanah, anda boleh menghubungi FIMM di talian 603-2092 3800 (www.fimm.com.my) atau Jabatan Hal Ehwal Pelabur dan Pengaduan SCM di talian 603-6204 8999.
- f) Jangan membuat bayaran secara tunai kepada UTC atau mengeluarkan cek atas nama UTC.

Pengesahan Pelabur: Saya/Kami mengesahkan bahawa Perunding Unit Amanah telah memberikan penerangan mengenai semua perkara di atas kepada saya/kami.

1) Pemohon Tandatangan: _____ Nama: _____ No Kad Pengenalan/Pasport: _____ Tarikh: _____	2) Pemohon Bersama (Jika ada) Tandatangan: _____ Nama: _____ No Kad Pengenalan/Pasport: _____ Tarikh: _____
--	---

Pengakuan Perunding Unit Amanah: Saya mengaku bahawa saya telah memberikan penerangan mengenai semua perkara di atas dan pelabur yang berkenaan telah memahaminya.

Tandatangan : _____ Nama : _____
Nombor Kad Pengenalan/Pasport : _____ Tarikh : _____

BORANG PERMOHONAN

CONTOH BORANG PERMOHONAN (Muka surat 1)

PERHATIAN	1 Pelabur-pelabur adalah dinasihatkan supaya membaca dan memahami isi kandungan Prospektus dan Suratkatatan ASK sebelum mengambil keputusan untuk melabur 2 Penyata Pendedahan Risiko Pembelian Unit Amanah Melalui Pinjaman Kewangan berkepli adalah sebahagian daripada Borang Permohonan ini.	No Siri : 013500
	AMANAH SAHAM KEDAH Diuruskan oleh : KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD 315167-P	PELABUR ☐ INDIVIDU ☐ KORPORAT
		NOMBOR AKAUN
	BORANG PERMOHONAN UNIT-UNIT AMANAH SAHAM KEDAH	
Kepada : KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD LOT 178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah 05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman Tel : 04-7300323 Faks : 04-7300320 E-mail : ask@kiam.com.my Laman web : www.kiam.com.my		
Borang ini diberi PERCUMA GST Reg. No. : 000769507328		
Sila tandakan (/) di petak berkenaan ☐ PELABURAN PERMULAAN ☐ PELABURAN TAMBAHAN		
Sila baca nota di belakang borang ini terlebih dahulu. Sila penuhi borang ini dengan HURUF BESAR. Tandakan (/) pada petak berkenaan.		
NAMA DAN ALAMAT PEMOHON INDIVIDU / KORPORAT		
NAMA (seperti dalam Kad Pengenalan / Sijil Pendaftaran Syarikat)		
ALAMAT SURAT MENYURAT		
NO TELEFON (Rumah/Pejabat) (Bimbit)		
NO FAKSIMILI E-mail :		
BUTIR-BUTIR PEMOHON : Sila sertakan salinan kad pengenalan / Sijil Pendaftaran Syarikat		
KAD PENGENALAN - - KP Lama / No Syarikat		
NEGERI DILAHIRKAN / DIDAF TARKAN UMUR BANGSA		
TARIKH LAHIR PEKERJAAN Kerajaan Petani Usahawan Pelajar		
JANTINA Lelaki Perempuan Swasta Nelayan Suni rumah Pesara		
STATUS Bujang Berkahwin PENDAPATAN SEBULAN (RM)		
JENIS PERNIAGAAN		
ORANG YANG BOLEH DIHUBUNGI		
JAWATAN		
BUTIR-BUTIR PEMOHON BERSAMA (jika ada)		
NAMA (Seperti dalam Kad Pengenalan atau Sijil Beranak)		
KAD PENGENALAN - - dan /atau (Lama)		
NO SUKIL KELAHIRAN UMUR PERTALIAN DENGAN PEMOHON		
JUMLAH UNIT DIPOHON		
JUMLAH UNIT DIPOHON NILAI ASET BERSIH SEUNIT RM : .		
CAJ JUALAN : % @		
JUMLAH BAYARAN RM CUKAI BARANGAN & PERKHIDMATAN / GST : % @		
HARGA JUALAN SEUNIT RM : .		
BENTUK BAYARAN Tunai Deraf Bank / Cek / Wang Pos / Kriman Wang No :		
ARAHAN PEMBAYARAN AGIHAN PENDAPATAN		
Tandakan (/) pada petak berkenaan:-		
Sila hantar Pengagihan Pendapatan saya / kami melalui pos Saya / Kami bersetuju agar pihak pengurus melaburkan semula Pengagihan Pendapatan saya / kami sekiranya tidak ditunaikan dalam tempoh yang ditetapkan dan dilabur semula pada tarikh mengikut peruntukan yang ditetapkan dalam prospektus		
Sila laburkan semula Pengagihan Pendapatan saya / kami mengikut peruntukan dalam prospektus		
UNTUK KEGUNAAN PEJABAT		
TARIKH TERIMA		DITERIMA OLEH
TARIKH DIMASUKKAN		DISEMAK & DISAHKAN OLEH
NO RESIT		DIMASUKKAN OLEH
NO TRANSAKSI		PENGESAHAN OLEH EDP / PENGURUS

CONTOH BORANG PERMOHONAN (Muka surat 2)

MAKLUMAT PERBANKAN

Untuk diperuihi oleh pelabur / syarikat dan dikeipikan bersama salinan BUKU BANK / PENYATA PERBANKAN

NO AKALIN BANK

NAMA PERBANKAN

CAWANGAN

NAMA

KAD PENGENALAN - - - (Lama / No Syarikat)

PENGAKUAN PEMOHON

- 1) Saya / Kami mengambil maklum terdapat yuran dan caj yang dikenakan secara langsung dan tidak langsung kepada saya / kami apabila melabur di dalam Tabung ASK
- 2) Saya / kami memohon melabur di dalam AMANAH SAHAM KEDAH dan saya / kami sertakan pembayaran seperti yang dinyatakan di ruang BILANGAN UNIT DIPCHOIN
- 3) Saya / kami bersetuju mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Suratkataman Amanah Saham Kedah sekiranya saya / kami menjadi pemegang unit terdaftar
- 4) Saya / kami mengaku bahawa saya / kami adalah INDIVIDU BUMPUTERA, Warganegara Malaysia
- 5) Saya / kami mengaku bahawa saya / kami adalah SYARIKAT / INSTITUSI BUMPUTERA yang diperbadankan di Malaysia
- 6) Saya / kami berusia 18 tahun atau lebih semasa permohonan dibuat
- 7) Maklumat perbankan yang dinyatakan oleh saya / kami adalah betul
- 8) Butir-butir yang diberi di atas adalah benar dan sekiranya terdapat keterangan palsu, permohonan ini dengan sendirinya akan terbatal

TANDATANGAN & CAP IBU JARI KANAN
PEMOHON / PENERUSI / PENGARAH

TANDATANGAN & CAP IBU JARI KANAN
PEMOHON BERSAMA / SETIAUSAHA / BENDAHARI

TARIKH PERMOHONAN

NOTA DAN PERATURAN INI ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA PERMOHONAN

a) PERINGATAN

SEBELUM MENOSHI BORANG PERMOHONAN, PELABUR-PELABUR DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI ISI KANDUNGAN PROSPEKTUS TERLEBIH DAHULU BERTARIKH _____ DAN TAMAT TEMPOH PADA _____
DI BAWAH BEKSYEN 232 AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHOMATAN 2007, BORANG PERMOHONAN INI TIDAK BOLEH DIEDAR KECAJUAL DISERTAKAN DENGAN PROSPEKTUS.

b) CARA PEMBAYARAN

Pembayaran bagi unit-unit yang dipohon hendaklah dibuat atas nama KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT serta dipotong "Akaun Penenerima Sahaja" dengan cara Deraf Bank, Wang Pot, Kirman Wang, Cek Junabank, Cek Pensiendan atau Cek Syarikat untuk ditukarkan oleh Kedah Islamic Asset Management Berhad di Alor Setar. Kerosen mengikut kadar minimum RM0.50 atau 0.03% daripada nilai Deraf Bank, Cek Junabank, Cek Pensiendan atau Cek Syarikat yang di luar kawasan hendaklah dibayar oleh pelabur. Wang Tunai boleh diterima apabila pembelian dibuat di Pejabat KAM di Alor setar dan kaunter-kaunter bergerak sahaja.

c) PERMOHONAN UNIT MINIMUM

Pemohonan unit, kecuali pelaburan semula aghen pendapatan, mestilah sekurang-kurangnya 10 unit. Setap unit dibeli berdasarkan harga pengus semasa.

d) PERMOHONAN KORPORAT

Pemohon korporat, mestilah Syarikat / Institusi 100 % Bumputera dan / atau yang ditukarkan. Syarikat Badan Berkanan, Pertubuhan atau Persatuan hendaklah melampirkan senarai sekalian Undang-Undang Tubuh (Memorandum and Articles of Association or Constitution or By-Laws) apabila mengemukakan borang permohonan ini. Pemohon juga perlu menyertakan salinan Borang 24, Sorang 49 dan Resolusi Lembaga Pengarah yang mengandungi kenyataan bahawa Syarikat / Institusi ini adalah adalsh dimiliki 100% oleh Bumputera, keputusan untuk melabur, jumlah yang akan ditukarkan dan mereka yang akan ditukarkan dan mereka yang akan ditukarkan.

e) PEMOHON BERSAMA

Pemohonan Bersama dibuat kepada individu Bumputera walaupun berusia kurang dari 18 tahun pada tarikh permohonan. Jika pemegang unit yang terdaftar meninggal dunia, Pengerus-Pengerus dan Pemegang Amanah akan mengiklir individu yang hidup sebagai pemilik yang sah atas unit-unit tersebut. Sekiranya individu tersebut masih di bawah umur lagi, Pengerus-Pengerus dan Pemegang Amanah akan mengiklir harta pusaka smali yang namanya terdaftar sebagai pemilik pertama sebagai pemilik yang sah. Surat menyurat dan segala pembayaran akan diantar kepada pemegang unit yang pertama sahaja.

f) TANDATANGAN, CAP JARI KANAN DI BORANG DAN COP RASMI SYARIKAT / INSTITUSI

Bagi pemohon individu, setap permohonan hendaklah tandatangan dan / atau cap ibu jari kanan. Pemohon bersama berumur 18 tahun dan ke atas, kedua-dua pemohon diresikan menandatangani dan / atau menurukan cap ibu jari kanan.

Bagi pemohon Syarikat/Institusi, setap permohonan hendaklah menurukan Cop Mohor atau Cop Rasmi serta tandatangan sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perlembagaan atau Undang-undang Tubuh masing-masing. Jawatan penandatangan hendaklah dinyatakan.

g) DOKUMEN PENGENALAN

Setap pelaburan permulaan hendaklah disertakan dengan salinan kad pengenalan atau Rest Pengerutan Sementara yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia. Rest Laporan Kehilangan Kad Pengerutan tidak boleh dipakikan dokumen pengenalan yang sah. Pasport yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigrasi boleh digunakan sebagai ganti. Bagi pemohon bersama, salinan kad pengenalan atau siji bernilai juga diperlukan.

h) AKUAN PENERIMAAN

Setap pembayaran akan dikeluarkan rest rasmi dan / atau rest sementara dan segala pertanyaan hendaklah diujuk kepada rest berkenaan.

i) PERUNTUKAN UNIT-UNIT

Unit-unit diperuntukan mengikut jumlah wang yang diiklir dan dikira berpandukan harga julian unit dan caj GST pada tarikh Pengerus-Pengerus menerima permohonan tersebut. Caj GST akan dikenakan berkuatkuasa 1 April 2015. Pengerus-Pengerus berhak menasih sebarang permohonan atau menerima sebahagian daripadanya.

j) PENGELUARAN PENYATA PELABURAN UNIT

Pihak Amanah Saham Kedah akan mengeluarkan Penyata Pelaburan Unit untuk semua transaksi. Penyata Pelaburan Unit ini sah untuk digunakan bagi tujuan pembelian balik unit atau penukaran akaun di Amanah Saham Kedah.

k) PEMBAYARAN PENGAAGIHAN PENDAPATAN

Aghen pendapatan akan dibayar mengikut arahan yang diperseutai oleh pelabur. Pembayaran dalam bentuk cek / watan aghen akan diposkan kepada pemegang unit unit ke alamat terbaharu, manakala bagi arahan aghen yang diubah semula, satu penyata akan dikeluarkan berhubung unit yang diperseutai dan pelaburan semula tersebut.

l) PERTUKARAN ALAMAT

Pemegang unit adalsh disihatkan untuk memaklumkan kepada Pengerus-Pengerus jika berlaku pertukaran alamat surat menyurat bagi memadikan alamat pemegang unit dapat dikemaskinikan.

CONTOH BORANG PERMOHONAN
(Muka surat 3)

**Penyata Pendedahan Risiko Pembelian Unit Amanah
Melalui Pinjaman Kewangan**

**Melabur dalam skim unit amanah melalui pinjaman wang adalah lebih berisiko
berbanding melabur dengan wang tabungan anda sendiri.**

Anda perlu menilai sama ada pinjaman kewangan bersesuaian dengan anda serta menepati objektif, sikap terhadap risiko dan keadaan kewangan anda. Anda seharusnya maklum tentang risiko yang akan dihadapi, yang mana termasuk perkara-perkara berikut :

1. Lebih tinggi margin pinjaman kewangan (iaitu jumlah wang yang anda pinjam berbanding setiap Ringgit dari wang anda sendiri yang dibayar sebagai cengkeram atau bayaran pendahuluan) maka lebih tinggi kerugian atau pulangan ke atas pelaburan anda.
2. Anda perlu menilai sama ada anda memiliki kemampuan untuk membayar balik pinjaman yang dicadangkan. Sekiranya pinjaman anda mengikut kadar faedah pelbagai, dan sekiranya kadar faedah meningkat, jumlah keseluruhan pembayaran semula pinjaman anda akan meningkat.
3. Jika harga unit jatuh ke bawah paras tertentu, anda mungkin diarahkan menyediakan cagaran tambahan yang bersesuaian (dimana unit diguna sebagai cagaran) atau membuat bayaran tambahan ke atas bayaran ansuran yang ditetapkan. Sekiranya anda gagal mematuhi keperluan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, unit-unit anda boleh diarah jual untuk melangsaikan pinjaman anda.
4. Pulangan dari unit amanah adalah tidak dijamin dan kadar pulangan mungkin tidak menentu mengikut masa. Ini bermakna pulangan mungkin tinggi pada sesuatu tahun dan sebaliknya mengalami kerugian pada tahun yang lain. Sama ada anda akan memperolehi keuntungan atau kerugian bergantung kepada masa jualan unit-unit anda. Nilai unit-unit anda boleh jatuh hanya apabila anda memerlukan wang anda semula walaupun pelaburan tersebut menunjukkan prestasi yang baik sebelumnya.

Kenyataan ringkas ini tidak dapat mendedahkan semua risiko dan aspek-aspek lain pinjaman kewangan. Oleh yang demikian, anda seharusnya memeriksa dengan berhati-hati syarat dan terma pinjaman sebelum memutuskan membuat pinjaman. Sekiranya anda ragu berhubung sebarang aspek di Penyata Pendedahan Risiko ini atau terma pinjaman kewangan, anda hendaklah mendapatkan penerangan dari institusi kewangan yang menawarkan pinjaman tersebut.

AKUAN TERIMA PENYATA PENDEDAHAN RISIKO

Saya mengakui telah terima salinan Penyata Pendedahan Risiko Pembelian Unit Amanah Melalui Pinjaman Kewangan dan faham isi kandungannya.

Tandatangan : _____

Nama Penuh : _____

Tarikh : _____

13. PELAN LOKASI PEJABAT KIAM

PEJABAT PENGURUS

Pelabur-pelabur boleh mendapatkan prospektus, borang-borang permohonan dan mengadakan urusan jual beli unit di pejabat Pengurus seperti alamat berikut :-

KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD

178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah
05350 Alor Setar
Kedah Darul Aman

Waktu Pejabat

Isnin - Khamis : 8.30 a.m. – 1.00 p.m. / 2.00 p.m. – 5.30 p.m.
Jumaat : 8.30 a.m. – 12.30 p.m. / 2.30 p.m. – 5.30 p.m.
(kecuali cuti umum di peringkat Negeri Kedah dan Persekutuan)

Waktu Kaunter

Isnin - Khamis : 9.00 a.m. – 4.00 p.m.
Jumaat : 9.00 a.m. – 12.30 p.m. / 2.30 p.m. – 4.00 p.m.
(kecuali cuti umum di peringkat Negeri Kedah dan Persekutuan)

No. Tel : 04-7300323 / No. Fax : 04-7300320

E-mail : ask@kiam.com.my Laman web : <http://www.kiam.com.my>

PELAN LOKASI PEJABAT KIAM

